



● BIL 253 ● 8 - 14 MAC 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

ILAYAHKU

www.wilayahku.com.my



KONGRES EKONOMI
BUMIPUTERA 2024

POSITIF • PROGRESIF • INOVATIF

Bumiputera terus **DIPERKASA**

➤➤ 2-3

Lima tonggak utama jadi
pegangan Syed Ibrahim

>> 5

Mahkamah, Godfather
dan anak menantu

>> 7

Bagaimanakah
Ramadan mereka?

>> 9-11

Pulangan lumayan kepada rakyat

Kenaikan SST kukuh kewangan negara

SYED HAZIQUE

KENAikan kadar Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) kepada 8.0 peratus mampu menjana serta mengukuhkan kedudukan kewangan negara.

Bermula 1 Mac 2024, kadar baharu SST dinaikkan kepada lapan peratus berbanding enam peratus sebelum ini, sebagaimana diumumkan dalam pembentangan Belanjawan 2024 pada Oktober lalu.

Kadar baharu cukai itu (8.0 peratus) tidak merangkumi perkhidmatan untuk makanan dan minuman, telekomunikasi, tempat letak kereta dan logistik.

Setiausaha Agung Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (Mata), **Dr Mohd Fairuz**

A Razak berkata langkah itu sebahagian daripada usaha kerajaan untuk meningkatkan daya tahan kewangan negara sambil mengurangkan defisit belanjawannya.

Menurut Mohd Fairuz, kutipan

hasil cukai itu mampu menambah pendapatan negara dengan banyak selain menurunkan kadar hutang negara.

“Memang kalau hendak diikuti, unjuran kutipan cukai itu, mampu menjana serta mengukuhkan lagi kedudukan kewangan negara dan lebih menstabilkan ekonomi.

“Ia juga sekali gus kerajaan mampu untuk berbelanja

membangunkan negara atau menyalurkan bantuan dengan nilai yang sebaiknya buat golongan yang kurang berkemampuan,” katanya baru-baru ini.

Tambah beliau, cukai SST ini adalah sebuah cukai selain daripada Cukai Barang dan

Perkhidmatan (GST) untuk penyesuaian satu bentuk sistem percukaian.

Jelas Mohd Fairuz, banyak perkara positif yang dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada negara malah juga rakyat serta mampu meningkatkan kualiti



MOHD FAIRUZ



LEBIH banyak bantuan yang dapat disalurkan kepada rakyat.

hidup.

“Kita kena faham, semua perkara bukan sekelip mata akan berubah, kita perlu tempoh masa untuk lihat kepada hasilnya.

“Hasil kutipan cukai itu, kerajaan mampu untuk memberi subsidi, peningkatan bantuan, pembangunan infrastruktur serta kesihatan dan banyak lagi.

“Malah ia juga mampu merapatkan jurang antara luar bandar dan bandar serta mengencilkan jumlah garis kemiskinan jika perancangan

teliti dan baik dapat dilaksanakan dengan hasil kutipan cukai ini juga,” katanya.

Tambah Mohd Fairuz, pembangunan sesebuah negara itu berdasarkann kestabilan ekonomi atau pengukuhan kedudukan kewangan mereka sendiri.

“Lihat sahaja negara-negara maju yang lain, kutipan cukai negara mereka juga besar, daripada situ, kerajaan mampu berbelanja dan membangunkan negara sekali gus membantu rakyat dalam memberikan kelangsungan hidup

yang terbaik.

“Selain itu, dapat elakkan negara untuk berhutang atau meminjam dalam menyuntik kewangan atau ekonomi negara lagi pada masa hadapan,” ujarnya.

Walaupun bagaimanapun, katanya, pemantauan harus dilaksanakan bagi mengelakkan daripada barangan tempatan dinaikkan.

“Lumrah ekonomi, kerajaan perlu lakukan pemantauan untuk mengelakkan peniaga-peniaga ambil kesempatan untuk meningkatkan harga barangan, kerana ia mampu menjejaskan kuasa beli rakyat.

“Kita mahu rakyat terus berbelanja bagi meningkatkan ekonomi domestik, kita tidak mahu rakyat hilang kuasa membeli.

“Perlu diingat juga, kenaikan SST ini tidak merangkumi perkhidmatan untuk makanan dan minuman, telekomunikasi, tempat letak kereta dan logistik,” katanya.

Mohd Fairuz menegaskan langkah peningkatan SST adalah satu langkah yang wajar dilakukan di dalam mengukuhkan kewangan demi membangunkan negara.

Penegasan nilai resolusi KEB 2024 langkah tepat

KERAJAAN Persekutuan perlu melaksanakan penilaian berterusan terhadap dasar dan inisiatif yang telah diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa Majlis Penutup Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 yang lalu.

Presiden Pertubuhan Usahawan Generasi Muda Berjaya Malaysia (GMB) **Datuk Agil Faisal Ahmad Fadzil** berkata penganjuran itu bertepatan dalam keadaan sekarang ini khususnya selepas pasca pandemik COVID-19 dan kegawatan ekonomi di seluruh dunia yang turut menjejaskan Malaysia, serta penggunaan secara optimum ekonomi digital.

“Kerajaan telah membuat *reality check* terhadap kedudukan semasa Bumiputera di dalam sektor ekonomi menerusi tiga dasar utama iaitu penguasaan Bumiputera terutamanya dalam penyertaan ekonomi, pemilikan ekonomi dan ketiga adalah penguasaan ekonomi,” katanya.

Jelas Agil Faisal, objektif tersebut sebenarnya selari dengan dasar penubuhan Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang memberikan penumpuan supaya golongan Bumiputera ini mendapat *certain level of achievement* dalam ketiga-tiga perkara yang dinyatakan tadi.

“Malangnya sehingga kini kita

belum mendapat pencapaian selain daripada penyertaan yang bidang penguasaan dan juga pemilikan ini kita kurang.

“Jadi keperluan itu memang ada dan saya juga melihat ada juga kesungguhan politik untuk melaksanakan perkara ini dan ia tidak sekadar retorik seperti sebelum ini,” katanya.

Menurut beliau, jumlah yang telah dibelanjakan oleh kerajaan untuk mengangkat agenda Bumiputera mungkin telah melebihi RM1 trilion sejak daripada kongres yang pertama dan sememangnya mengambil masa bagi mewujudkan masyarakat perdagangan Bumiputera.

“Tetapi inilah yang disebut sebagai proses kerana memang kita perlu akui sebelum ini berlaku banyak ketirisan, kelompongan, birokrasi dan *in to certain extent* adalah korupsi yang membuatkan berlakunya siri kegagalan.

“Kita juga perlu melihat dari segi *development cost* itu kerana kita ini boleh dikatakan adalah bangsa yang *zero* kerana ia ada berdasarkan kepada tahap pendidikan pada waktu itu.

“Oleh kerana Malaysia ini adalah negara kita dan agenda

Bumiputera merupakan agenda nasional maka kita tidak boleh *give up* terhadap perkara itu,” katanya.

Agil Faisal berkata menerusi ucapan penutup Perdana Menteri, terdapat pendekatan berbeza iaitu tidak ada pengumuman yang klise bersifat retorik seperti penubuhan institusi baharu kecuali Suruhanjaya Pekerja Gig.

“Apa yang dilihat, beliau mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Tetap untuk memantau usul-usul yang telah dicadangkan dan mengikut kesesuaian kerana jika ditelusuri

sejarah yang lalu, memang ada sikap melancarkan sesuatu namun tidak ada sebarang pemantauan.

“Selain itu Kerajaan Madani ini hendak memastikan pelaksanaannya serta akan ada penilaian Indeks Prestasi Utama (KPI) bagi mengenal pasti sasarannya,” katanya.

Kata Agil Faisal, semua pihak perlu menilai usaha tersebut dari sudut positif kerana kini adalah zaman digital ekonomi.

“Apabila adanya transformasi digital, kelebihan untuk tahap ketelusan ini lebih tinggi dan apa jua yang dilakukan oleh

kerajaan dapat diketahui rakyat menerusi *online*, pendaftaran dan requirement kerana dahulu mungkin boleh minta tolong pegawai dan sekarang sudah tidak boleh kerana prosesnya telah didigitalkan.

“Dengan situasi seperti dinyatakan, maka saya lihat ada harapan untuk melihat bahawa ketirisan ini boleh ditangani dan ketelusan ini boleh dipertahankan dan ini merupakan kelebihan kongres pada kali ini,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata ungkapan Perdana Menteri mengenai kalangan kaum lain sebagai anaknya adalah merujuk kepada *affirmative action* dalam membantu golongan yang memerlukan.

“Contohnya isu kemiskinan tegar dan kita tidak boleh kira kerana siapa sahaja yang terbelunggu dalam kemiskinan tegar, kita mesti selesaikan dan tidak boleh ada yang dikecualikan.

“Bila disebutkan berkenaan *affirmative action* untuk kaum Bumiputera, contohnya melibatkan perkara biasiswa, pekerjaan dan lain-lain, ini juga adalah kelebihan yang harus diberikan sehingga Bumiputera dapat keluar daripada masalah tersebut, jadi ia adalah dua pendekatan dan ia boleh mencakupi semua.

“Jadi untuk mengimbangkan

dan yang dipanggil keadilan sosial, semua pihak harus akui bahawa Bumiputera adalah bangsa yang paling ramai terkesan dan jadi *affirmative action* itu akan menumpukan kepada Bumiputera yang mana haknya telahpun termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan,” katanya.

Ditanya mengenai pembabitan usahawan selain Bumiputera ke KEB2024, Agil Faisal menyambut baik pendekatan tersebut kerana ia dapat mengelakkan syak wasangka mana-mana kumpulan terhadap dasar melibatkan pemerikasaan Bumiputera.

“Kita dapat lihat Dewan Perniagaan Cina menyatakan apa yang perlu dilakukan adalah untuk membangunkan ‘kek yang besar’ untuk kita keluar dan meneroka potensi pasaran antarabangsa.

“Sebagai contoh, industri halal, orang India muslim di negara India lebih ramai bilangannya daripada populasi Muslim di Malaysia, malah mereka lebih ramai daripada Pakistan.

“Apa yang kita boleh buat bagaimana untuk bergabung sesama kita dan untuk menjadi satu pasukan yang boleh meneroka pasaran halal di India kerana sebelum ini kita juga mengimport daging kerbau dan bawang dari negara tersebut,” katanya.



AGIL FAISAL

KEB 2024 tingkat ekonomi

Bumiputera sebulat suara sokong inisiatif

AZLAN ZAMBRU

KONGRES Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 yang baharu melabuhkan tirainya selepas tiga hari bersidang dilihat menjadi batu asas kepada Kerajaan Perpaduan yang diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk merangkul kesatuan dan sokongan orang Melayu serta etnik Bumiputera bagi meningkatkan taraf ekonomi.

Penganalisis ekonomi UniKL Business School, Profesor Madya **Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid** berkata KEB 2024 yang dianjurkan ini berjaya mengenengahkan pelan tindakan yang praktikal dan sesuai dengan isu-isu dewasa ini.

"Ia bukan kongres yang baru mahu mengenal pasti akan permasalahan atau isu-isu yang dihadapi oleh kaum Bumiputera, tetapi kali ini para peserta sudah maklum dan mahukan cadangan-cadangan yang diutarakan kali ini tidak sekadar naratif di bibir sahaja kemudiannya dilupakan kembali selepas tamat KEB.

Jelas Aimi Zulhazmi, beliau melihat terdapat kesatuan dalam suara kaum Bumiputera kali ini pada semua isu-isu yang dibentangkan seperti keusahawanan, pendidikan dan sebagainya yang sebelum ini berbeza dengan dahulu kerana terdapat isu-isu yang dikenal pasti namun tidak mendapat sokongan sepenuhnya dari kaum Bumiputera.

"Ia mungkin disebabkan suasana politik semasa membuatkan orang Melayu dan Bumiputera yang lain sebulat suara menyokong apa-apa sahaja cadangan yang baik untuk perubahan ekonomi keseluruhannya," katanya.

Menurut Aimi, sudah beberapa kali agenda yang sangat baik seumpama KEB 2024 dilihat cantik di atas kertas, namun yang



KEB 2024 berjaya mengenengahkan pelan tindakan sesuai isu masa kini.

paling utama adalah penyediaan infrastruktur dalam memastikan program ini mempunyai hayat yang lama dalam memastikan objektifnya tercapai.

"Kita selalu diberitahu bahawa pelaksanaan hanya berjaya pada peringkat awal sahaja, namun malangnya model bisnes yang digunakan itu gagal untuk berdaya saing kerana tidak mempunyai sustainability.

"Ia mungkin kerana program sebelum ini diuruskan sebagai *one-off* projek sahaja oleh agensi pelaksana, mungkin

juga kerana ada campur tangan ahli politik dan amalan kronisma, mungkin juga pendanaan yang tidak mencukupi dan tersasar daripada perancangan awal berikutan kenaikan kos operasi.

"Selain itu antara faktor kegagalan sebelum ini adalah tidak mempunyai keupayaan tenaga pakar ataupun kurang pengalaman dalam pengurusan, atau pun

faktor-faktor lain yang diluar jangkaan atau diluar kawalan seperti bencana alam dan lain-lain lagi," katanya.

Justeru itu, Aimi mencadangkan agar kerajaan perlu mewujudkan badan pemantau bebas daripada tekanan politik bagi menilai keberkesanan terhadap pelaksanaan beberapa inisiatif yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Penubuhan badan pemantau itu mestilah diberikan punca kuasa untuk membuat perubahan terutamanya membantu agensi pelaksana tersebut untuk mencapai sasaran yang ditetapkan.

"Anggota badan pemantau itu pula hendaklah golongan profesional yang tidak mempunyai kepentingan dan mestilah membuat deklarasi dengan badan-badan berwajib seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Selain itu, keanggotaan badan pemantau itu boleh di buka kepada orang awam serta pengamal media," katanya sambil menambah laporan badan pemantau itu mestilah dibentangkan di Parlimen dan bukan hanya kepada kabinet bagi meningkatkan keyakinan dan ketelusan seperti yang dimahukan rakyat yang mengundi.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Jabatan Sosio-Budaya, Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya (UM), **Prof**

Madya Dr Awang Azman Awang Pawi menyifatkan pengumuman KEB2024 melahirkan impak yang positif khususnya dalam mengangkat agenda ekonomi bumiputera dalam negara ini.

Ujarnya Orang Melayu/Bumiputera berasa Transformasi Ekonomi Bumiputera adalah wadah terbaik untuk membawa kemajuan dalam berdepan

kompleksiti cabaran ekonomi Bumiputera masa kini.

"KEB2024 mempunyai perbezaan dengan program-program seumpama sebelum ini kerana disesuaikan dengan perubahan zaman, teknologi dan keperluan sebenar kelompok Bumiputera dan dirancang lebih teliti dan mendalam melalui libat urus, simposium, bengkel dan sebagainya," katanya.

Awang Azman berkata antara perkara utama dan signifikan untuk melonjakkan ekonomi Bumiputera ialah peruntukan dana berjumlah RM1 bilion bagi melahirkan generasi baharu usahawan Bumiputera dalam bidang pertumbuhan tinggi yang akan dikendalikan oleh Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC).

"Selain itu penubuhan Tabung Wakaf MARA MADANI dengan geran peluncuran berjumlah RM100 juta yang menyasarkan dana terkumpul berjumlah RM1 bilion dalam tempoh dua tahun dan penyediaan tabung geran padanan sebanyak RM100 juta bagi menggalakkan lebih banyak syarikat swasta melaksanakan program pembangunan vendor seperti penyediaan program latihan dan peningkatan kemahiran dalam bidang baharu khususnya pendigitalan, peralihan tenaga dan teknologi," katanya.

Ujar beliau, untuk memastikan kesemua program yang direncanakan ini berjaya adalah bergantung kepada sikap dan penerimaan usahawan Bumiputera sendiri dalam menentukan kejayaan.

Katanya lagi, selepas beberapa pengumuman Perdana Menteri itu, ia akan membawa momentum semangat dan dapat menarik lebih ramai kaum Bumiputera termasuk Sarawak dan Sabah serta Orang Asli dalam meningkatkan penyertaan menerusi keusahawanan kerana terdapat jurang besar tempoh kongres ekonomi Bumiputera sebelum ini.



AIMI ZULHAZMI



AWANG AZMAN

KPWKM cadang naikan bantuan geran kepada RM5,000

KEMENTERIAN Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bercadang untuk menambah jumlah pemberian bantuan geran pelancaran dalam Skim Bantuan Kebajikan dari RM2,700 kepada RM5,000.

Menterinya Datuk Seri Nancy Shukri berkata, ini adalah usaha KPWKM untuk membantu golongan memerlukan bagi memperoleh modal perniagaan dalam usaha mereka keluar daripada belenggu kemiskinan, malah kadar geran itu wajar dinaikkan bersesuaian dengan keadaan ekonomi ketika ini.

"Kami sudah bawa dalam mesyuarat pengurusan kami untuk meningkatkan lagi (geran pelancaran itu) dari RM2,700 kepada RM5,000. Kalau MOF (Kementerian Kewangan) setuju, alhamdulillah kami boleh laksanakan...itu yang kami hendak lakukan," katanya.

Bantuan geran pelancaran dengan kadar maksimum RM2,700 secara sekali bayar itu bertujuan memperkasakan ekonomi kumpulan sasar Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang produktif, mempunyai minat, kemahiran dan potensi untuk

menjana pendapatan individu atau keluarga.

Ditanya mengenai pertimbangan KPWKM untuk menaikkan setiap kadar elaun bantuan di bawah JKM berikutan cabaran ekonomi semasa, Nancy berkata perkara itu tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh kerana ia melibatkan proses belanjawan negara.

"Namun, jika ada perubahan yang berlaku terhadap klien (penerima bantuan) kami itu, seperti baru-baru ini saya di Kuching, klien terima RM300 dan apabila jadi OKU (Orang Kurang

Upaya) yang langsung tidak dapat buat apa-apa, kami sarankan supaya tambah elaunnya kepada RM500. Perkara sebegini dapat kami lakukan.

"*Insyallah* kami akan sentiasa cuba ketengahkan perkara ini kerana ia permintaan yang popular dalam kalangan rakyat, saya percaya kami tidak akan mengetepikan permintaan sebegini," katanya.

Beliau juga berkata pegawai KPWKM telah diminta untuk percepatkan proses permohonan bantuan bagi golongan berkecukupan.

Menyentuh mengenai kemuncak sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2024 hari ini, Nancy berkata pelbagai program bagi memperkasakan golongan wanita terutamanya dari sudut ekonomi disediakan pada hari berkenaan.

Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2024 bertemakan Wanita Dijulang, Negara Gemilang diadakan di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid di Petaling Jaya, Selangor dan akan disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim. - **BERNAMA**

Kerajaan jadi dalang scammer?

Akta baharu keselamatan digital

ISU penipuan dalam talian menjadi perhatian sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Malah pihak kerajaan dan agensi berkaitan giat melaksanakan pelbagai langkah bagi mengatasi masalah yang semakin berleluasa ini.

Seiring perkembangan teknologi, modus operandi pihak scammer semakin menjadi-jadi. Statistik merekodkan sebanyak 107,716 kes jenayah tersebut antara tahun 2020 hingga 2023 melibatkan jumlah kerugian RM3.2 bilion.

Tiada yang terlepas daripada ancaman scam lebih-lebih lagi dalam dunia yang semakin canggih ini segenap lapisan masyarakat yang merupakan pengguna Internet adalah berisiko tinggi menjadi mangsa.

Kegusaran pelbagai pihak mengenai isu ini juga dalam masa yang sama membuatkan pihak yang suka menanggung di air keruh mengambil kesempatan mendakwa Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) merupakan antara penyumbang kepada berlakunya jenayah dalam talian.

Malah, kecoh di laman sosial mengatakan kerajaan merupakan dalang scammer kerana musykil berkenaan maklumat peribadi rakyat yang terlalu mudah diperolehi oleh pihak tersebut.

Terdapat juga ketidakpuasan di mana tiada sebarang tindakan agresif dijalankan setelah aduan dibuat mangsa seolah-olah pihak yang bertanggungjawab hanya



PENGUNA Internet berisiko menjadi mangsa penipuan dalam talian.

lepas tangan.

Ramai sebenarnya yang tidak tahu bahawa kerajaan sedang merangka akta baharu bagi meningkatkan keselamatan digital serta membanteras isu ini sekali gus memastikan nasib mangsa terbelah.

Akta berkenaan melibatkan ketetapan pihak bank di mana tidak boleh mengelak untuk bertanggungjawab sekiranya ia menjadi punca berlakunya penipuan dalam talian tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), M. Kulasegaran pada Sidang Dewan

Rakyat di Bangunan Parlimen, baru-baru ini berpendapat pihak bank perlu bertanggungjawab.

“Bank tidak boleh mengelak daripada diambil tindakan. Jika ada mana-mana bank yang telah atau sedang buat demikian, rujuklah kepada agensi yang berkenaan.

“Rang Undang-Undang (RUU) yang sedang dikaji ini akan merangkumi semua aspek,” ujar beliau ketika menjawab soalan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka – PH) mengenai RUU yang kini dalam peringkat penelitian.

Usah risau, Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan

Multimedia Malaysia (MCMC) sentiasa bekerjasama dengan syarikat-syarikat telekomunikasi bagi mengesan nombor telefon yang didapati terbabit dengan penipuan dalam talian.

Setakat Januari tahun ini, sebanyak 131 nombor talian ditamatkan kerana terbabit aktiviti penipuan dan 93 nombor talian meragukan telah disekat.

Nombor tersebut juga direkodkan dalam sistem semak Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai panduan untuk orang awam membuat semakan sebelum meneruskan transaksi kewangan mereka. 

SST bawa manfaat bukan bebankan rakyat

PADA 1 Mac lalu, kadar baharu Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) ditetapkan 8.0 peratus berbanding 6.0 peratus sebelum ini. Pelbagai reaksi di laman sosial berkenaan penetapan tersebut. Ada yang mendakwa kerajaan sengaja menaikkan SST untuk kepentingan sendiri.

Jika dikaji secara mendalam kebaikannya, pelaksanaan SST dijangka meraih hasil tambahan sebanyak RM3 bilion kepada negara sekali gus membolehkan kerajaan terus menyalurkan bantuan kepada rakyat.

Bagi memudahkan rakyat mengecapi pelbagai kemudahan, maka SST merupakan jalan terbaik kerana perolehan melalui pelaksanaannya dapat meningkatkan bantuan bersasar kepada golongan memerlukan.

Ia turut diakui Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan di mana pelaksanaan SST membolehkan banyak penambahbaikan dan penyelenggaraan terhadap prasarana awam seperti sekolah, kesihatan dan jalan raya.

“Asas cukai perlu diperluas demi memperkuh asas fiskal



PENINGKATAN kadar SST tidak melibatkan perkhidmatan yang menjadi keperluan asas. - Gambar hiasan.

negara ke arah pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan sepertimana digariskan di bawah kerangka Ekonomi Madani.

“Kerajaan turut giat merangkul seluruh kekuatan dan tenaga bagi melaraskan semula trajektori ekonomi negara merangkumi amalan perbelanjaan yang berhemat, mengurangkan ketirisan serta menarik pelabur langsung asing (FDI),” katanya.

Dalam masa yang sama,

perluasan SST bagi menyelaraskan dan memberi layanan cukai sama rata ke atas perkhidmatan tertentu dalam industri yang sama.

Sebagai contoh pusat karaoke yang berunsur hiburan akan dikenakan SST sebanyak lapan peratus, sama seperti pusat hiburan lain merangkumi kelab malam, dewan tari menari, kabaret dan pusat kesejahteraan.

Perkhidmatan broker dan

penajajaminan, yang kini hanya dikenakan kepada perkhidmatan kewangan sahaja, akan diperluas kepada perkhidmatan-perkhidmatan industri broker lain seperti broker kapal atau kapal terbang, komoditi dan hartanah.


Namun, peningkatan kadar SST itu tidak melibatkan perkhidmatan yang menjadi keperluan asas serta menjadi sebahagian daripada gaya hidup rakyat di negara ini.

Antaranya makanan dan minuman, parkir kenderaan dan telekomunikasi selain perkhidmatan penghantaran makanan dan minuman, SST tidak akan dikenakan.

Diharapkan rakyat tidak terlalu gusar dengan peningkatan ini memandangkan banyak manfaat yang akan diterima kelak dalam bentuk tunai selain penjagaan kesihatan yang merupakan nikmat paling utama dalam kehidupan.

Sebelum ini Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan kenaikan tersebut tidak akan membebaskan rakyat kerana sistem percukaian yang ditambah baik itu tidak melibatkan perkhidmatan penting. 

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

8 - 10/3/24: Pesta Wownita @ Pasar Seni Kuala Lumpur

9 - 10/3/24: Bengkel Senang Seni @ Balai Seni Negara

10/3/24: Kuala Lumpur City Day Half Marathon 2024 @ Dataran Merdeka

15 - 17/3/24: Warna-Warni Ramadan @ Pasar Seni Kuala Lumpur



PUTRAJAYA

23/2 - 10/3/24: Karnival VIKids @ Alamanda Putrajaya

8 - 10/3/24: Paddle Fest International Putrajaya 2024 @ Pusat Rekreasi Air Putrajaya

8 - 11/3/24: Jualan Pra Ramadan @ Dataran Putrajaya

9/3/24: Flasmob Jom Balik Kampung @ Dataran Putrajaya

9 - 10/3/24: Alpaca Walkabout Meet & Greet @ IOI City Mall



LABUAN

8 - 9/3/24: Program Pusat Komuniti Desa Mobile @ Dewan Arena Boling Padang Antarabangsa

10/3/24: Kempen Derma Darah @ Ujana Kewangan

26 - 28/4/24: Kejohanan Bola Sepak Pantai Terbuka Labuan @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

28/1 - 30/6/24: Labuan Diving Festival 2.0

Lima tonggak jadi pegangan Syed Ibrahim

AHLI Parlimen Ledang, Syed Ibrahim Syed Noh terus fokus memberikan perkhidmatan terbaik bagi kelangsungan hidup penduduk di kawasan Parlimen Ledang.

Pelbagai rancangan dan aktiviti diterapkan dalam usaha untuk merapatkan hubungan sesama penduduk dan beliau sendiri.

Segala permasalahan ditangani dengan tenang tanpa keluhan-keshah dan dapat dilihat beliau merupakan antara ahli Parlimen yang sentiasa dekat di hati rakyat.

Baru-baru ini, wartawan *Wilayahku* Syed Hazique Syed Nor berpeluang mendengar segala pengalaman beliau sepanjang perkhidmatan.

Apakah perubahan yang telah YB bawa buat penduduk di kawasan Parlimen Ledang?

Saya tidak meletakkan satu 'standard' tinggi kerana saya orang baru buat mereka. Saya kena faham realiti kawasan, demografi, sejauh mana pembangunan serta isu-isu yang ada di situ. Jadi berdasarkan kriteria tersebut, saya menetapkan lima perkara utama iaitu pendidikan, kesihatan, kesejahteraan hidup atau kebajikan, ekonomi dan belia.

Justeru itu, lima tonggak itu menjadi panduan untuk menangani isu-isu berkaitan, contohnya macam kesihatan, di Ledang ada Hospital Tangkak yang sudah berusia lebih 100 tahun. Terdapat banyak kekurangan dalam hospital itu. Rancangan saya adalah untuk membaik pulih serta naik taraf hospital tersebut menjadi hospital pakar namun ia tidak berhasil memadangkan ada hospital-hospital besar yang berdekatan. Selepas itu, saya nak jadikannya sebagai sebuah hospital rehabilitasi namun tidak dapat dilaksanakan juga, akhir sekali kini hospital tersebut telah menjadi hospital kluster pakar.

Kemudian, bagi faktor pendidikan pula, banyak sekolah yang uzur kini telah dibaiki bagi kesejahteraan pelajar serta guru-guru. Bagi kesejahteraan hidup atau kebajikan pula, saya bersama pasukan membantu penduduk berdaftar menerima skim-skim yang disediakan kerajaan buat mereka. Dalam sektor ekonomi, kebanyakan penduduk di sini banyak yang berniaga, justeru itu, saya bersama pasukan lebih banyak membantu mereka dari segi peruncitan dan membesarkan perniagaan mereka.

Antara cabaran yang dihadapi sepanjang memegang tampuk kepimpinan di kawasan Ledang?

Sebenarnya, semasa saya memulakan tugas saya di sini, saya dianggap orang luar oleh kebanyakan penduduk, namun ia langsung tidak mematahkan semangat saya dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

Sejak itu, saya bersama pasukan mula bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, ketua kampung, ketua masyarakat, adakan sebarang aktiviti bersama, rajin turun padang, dari situ kami mula berhubung secara berterusan dan

pada masa sama, mereka mula meluahkan segala masalah dan kami cuba cari solusi. Daripada situ, hubungan mula akrab dan mereka dapat menerima saya sebagai Ahli Parlimen mereka. Barulah saya dan pasukan dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik buat rakyat.

Sepanjang perkhidmatan, apakah yang difokuskan YB demi kelangsungan hidup rakyat di Ledang?

Saya banyak menumpukan sektor pendidikan, kerana ia adalah masa hadapan bukan sahaja penduduk di sini tetapi juga negara. Banyak kerjasama yang saya lakukan bersama pejabat pendidikan daerah, peruntukan juga banyak diberi kepada bahagian pendidikan demi membangunkan infrastruktur, kualiti pendidikan serta kebajikan buat guru dan pelajar untuk sesi pembelajaran yang sempurna.

Apakah sumbangan yang telah YB berikan kepada rakyat di Ledang?

Saya dan pasukan menerima kira-kira RM4 juta peruntukan, dan daripada situ kita bahagikannya dengan 40 peratus diberi kepada pendidikan. Kita adakan program untuk pelajar demi memberikan pendidikan yang terbaik kerana ia mampu mengubah nasib keluarga mereka sendiri.

Saya percaya dan yakin apa yang telah saya dan pasukan lakukan di Ledang bertambah baik bukan sahaja pendidikan namun kelangsungan hidup rakyat di sini. Pasukan saya juga sentiasa menerima serta mendengar segala luahan atau masalah yang diajukan penduduk untuk mencari jalan penyelesaian terbaik kepada mereka. Itulah antara perkhidmatan atau sumbangan yang telah saya bersama pasukan laksanakan.

Bagaimanakah cara YB untuk mengecilkkan jumlah atau mengatasi masalah miskin tegar yang terdapat di kawasan Ledang?

Mengikut data yang kami perolehi, di kawasan Ledang terdapat dalam 200 orang yang miskin tegar setakat hari ini. Saya dan pasukan akan bekerjasama bersama agensi kerajaan dengan

selalu mengadakan mesyuarat bersama mencari jalan untuk membasmi atau mengurangkan jumlah miskin tegar itu. Kita bincangkan tentang siapa dalam senarai e-kasih, dalam senarai itulah kita boleh kenal pasti seterusnya sasarkan terus bantuan kepada golongan ini.

Bantuan ekonomi pula, telah banyak program serta bantuan yang telah kami sediakan buat rakyat di sini, untuk mengembangkan perniagaan mereka, beri mereka ilmu tentang perniagaan serta berbincang tentang perancangan. Prosesnya panjang, tapi dipendekkan cerita juga, bantuan daripada segi mesin, barangan perniagaan diberi demi mengembangkan lagi bakat sekali gus menjana pendapatan yang lebih banyak.

Umum sedia maklum, negara kita semakin menua, apakah perancangan YB dalam menyediakan penduduk atau rakyat Ledang terhadap isu ini?

Kerajaan juga telah menyediakan pelbagai skim-skim seperti i-Suri, i-Sara sebagai simpanan masa tua mereka. Saya bersama pasukan juga turun padang membantu mendaftarkan skim-skim yang telah disediakan untuk membantu mereka.

Selain itu, saya praktikkan kepada mereka untuk terus aktif di masa tua, masa banyak yang terluang itu diisikan dengan perkara-pekerjaan berfaedah, kita beri mereka program yang boleh tingkatkan kemahiran, celik digital untuk berniaga dalam talian sekali gus dapat menambah pendapatan, belajar tentang teknologi dan pelbagai lagi.

Kemudian kita aktifkan pusat warga emas yang ada di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk menyediakan sebarang program atau aktiviti yang boleh memberi manfaat kepada golongan-golongan tersebut.

Apakah masalah komunikasi bagi kawasan luar bandar ini merupakan satu cabaran buat YB?

Iya, pada mulanya memang agak sukar untuk kita capai setiap penduduk. Bayangkan di kawasan Ledang terdapat 73 buah kampung, bagaimanakah caranya untuk kita capai seorang demi seorang.

Pada saya, cara mudah ialah, komunikasi melalui aplikasi WhatsApp. Suka untuk saya maklumkan, kami sudah mempunyai sebanyak 500

orang di dalam satu kumpulan WhatsApp. Kita masukkan semua penduduk ke dalam kumpulan WhatsApp daripada situ kita dapat mendengar masalah, luahan, dan mencari solusi buat rakyat.

Apakah harapan YB terhadap penduduk Ledang?

Saya memang meletak harapan yang besar kepada rakyat di Ledang ini, sebab saya rasa mereka agak ketinggalan sikit berbanding tempat-tempat lain di negeri Johor.

Saya dan pasukan mulakan banyak program untuk tingkatkan kemahiran penduduk, wujudkan kawasan industri untuk membantu penduduk setempat juga.

Bila banyak hasil yang dapat diberi kepada penduduk barulah mereka dapat meningkatkan taraf serta kualiti hidup mereka tanpa mengharap sepenuhnya bantuan daripada kerajaan.

Umum tahu, tarikan utama di sini ialah Gunung Ledang itu sendiri, justeru itu, saya mahu tingkatkan lagi sektor pelancongan, membina hotel atau tempat

penginapan yang selesa buat pelancong yang datang.

Selain mewujudkan pusat konvensyen sebagai tempat pusat untuk rakyat melakukan pelbagai aktiviti yang boleh mengeratkan hubungan sesama mereka.

Saya amat berharap agar kawasan Ledang boleh membangun dari segi ekonominya, prasarana, pendidikan serta kesihatan juga.

Sebagai Ahli Parlimen Ledang, apakah peranan YB dalam membantu kerajaan?

Sebagai wakil rakyat, memang ia bukan satu tugas yang mudah untuk dilaksanakan, namun, saya bersama pasukan termasuk agensi-agensi kerajaan sering bertindak mengikut arahan daripada kerajaan.

Syukur semua gerak kerja berjalan dengan lancar setakat ini, dan banyak lagi perancangan yang telah diatur bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat di Ledang.



4,060 petak seliaan penganjur

DBKL lulus 62 lokasi bazar Ramadan



DBKL akan melaksanakan pemantauan berkala ke atas operasi bazaar sepanjang Ramadan. - Gambar hiasan Facebook PKB

HAZIRAH HALIM

SEBANYAK 62 lokasi Bazar Ramadan di bawah seliaan pihak penganjur mendapat kelulusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menjalankan operasi sepanjang Ramadan ini.

Jabatan Perancangan Korporat DBKL memaklumkan, jumlah keseluruhan petak yang diluluskan di 62 lokasi bazar Ramadan seliaan penganjur membabitkan sebanyak 4,060 petak.

Manakala bagi lokasi bazar Ramadan di bawah seliaan DBKL pula melibatkan dua lokasi iaitu Bazar Aidilfitri di Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR) dan Bazar Ramadan di Tempat Letak Kereta (TLK) Taman Tasik Permaisuri.

"Bagi bazar Aidilfitri

Lorong TAR, terdapat sebanyak 216 petak penjaja manakala di Bazar Ramadan TLK Taman Tasik Permaisuri pula sebanyak 160 petak penjaja yang akan menjalankan perniagaan sepanjang bulan Ramadan," jelas DBKL.

"Kesemua bazar itu dijangka akan beroperasi mulai 12 Mac (Selasa) bersamaan 1 Ramadan 1445H sehingga 9 April 2024.

"Waktu operasi bazar pula adalah tertakluk kepada jenis jualan iaitu bagi bazar melibatkan juadah, waktu operasinya bermula dari pukul 3 petang sehingga 8 malam.

"Manakala untuk jenis jualan barangan kering, waktu perniagaan yang dibenarkan adalah bermula dari pukul 10 pagi hingga 12 malam," tulis kenyataan tersebut.

Dalam pada itu, DBKL

menegaskan tindakan kompaun secara serta-merta akan diambil terhadap pemegang lesen yang didapati gagal mematuhi syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan.

Katanya, tindakan pemotongan wang cagaran juga boleh dikenakan ke atas pemegang lesen selepas tarikh tamat operasi bazar.

DBKL juga akan melaksanakan pemantauan secara berkala ke atas operasi bazar di bawah seliaan penganjur.

Jelasnya, tindakan seperti kompaun ke atas pemegang lesen, tindakan pemotongan wang cagaran ke atas pihak penganjur akan dikenakan sekiranya pihak berkenaan didapati gagal mematuhi syarat-syarat penganjuran bazar yang telah ditetapkan. 

Tindakan tegas menanti peniaga

KEMENTERIAN

Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (KPDN WPKL) akan mengambil tindakan tegas kepada mana-mana peniaga termasuk di bazar Ramadan yang didapati mengambil kesempatan menaikkan harga makanan sepanjang bulan puasa ini.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kuala Lumpur, **Ariffin Samsuddin** berkata, KPDN WPKL tidak akan berkompromi terhadap mana-mana peniaga yang mengambil kesempatan

menaikkan harga sesuka hati.

"Nasihat dan amaran akan diberikan kepada para peniaga yang melakukan kesalahan seperti tidak meletakkan tanda harga pada senarai menu atau pada makanan dan minuman untuk jualan.

"Sekiranya terdapat harga yang tidak munasabah dan terlalu tinggi serta didapati berlakunya

pencatutan, tindakan tegas terhadap peniaga akan dilaksanakan," tegas beliau.

Menurut Ariffin, KPDN tidak mengawal kadar harga bagi penjualan sesuatu barangan khususnya yang melibatkan para peniaga di

bazar namun akan sentiasa melakukan pemeriksaan dan pemantauan secara berkala.

Ujarnya, kementerian juga akan mengambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 ke atas peniaga yang cuba untuk mengambil kesempatan menjual barang-barang harga terkawal melebihi harga yang telah ditetapkan.

Peniaga yang ingkar boleh dikenakan penalti seperti kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum, gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal serta gagal meletakkan tanda harga.

Tambahnya, Pegawai Penguatkuasa KPDN WPKL juga akan sentiasa

melakukan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan (hotspot) di sekitar Kuala Lumpur.

Ditanya mengenai perubahan dasar Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST), Ariffin mengingatkan semua peniaga yang terlibat atau tidak agar tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barangan bagi mengaut keuntungan lebih.

"Tindakan tersebut adalah tidak bertanggungjawab dan boleh dikenakan tindakan jika didapati bersalah.

"Sasaran kategori premis yang diperiksa adalah merujuk kepada premis yang berdaftar dengan SST dan mempunyai nilai ambangnya melebihi RM500,000 setahun dan bukannya premis berskala kecil," katanya orang ramai harus mengetahui bahawa makanan dan minuman tidak termasuk dalam kategori kenaikan SST.

Dalam pada itu, Ariffin berkata KPDN WPKL juga akan berkerjasama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bersama agensi kerajaan lain untuk memantau perkara tersebut.

"Semua peniaga juga dinasihatkan agar bertimbang rasa dan menjual pada harga yang berpatutan. Sekiranya harga kos yang diperolehi menurun, peniaga amat digalakkan untuk menjual pada harga yang lebih rendah daripada biasa," ujarnya. 



PENGUATKUASA DBKL membuka jeriji menghalang laluan.

Struktur besi diroboh

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertindak merobohkan struktur besi yang dipasang tanpa kelulusan di laluan koridor Flat Perumahan Seksyen 2, Wangsa Maju.

DBKL memaklumkan operasi khas itu dijalankan selepas pemilik kediaman didapati gagal mematuhi Notis Penguatkuasaan yang telah dikeluarkan pada 10 Januari lalu.

"Notis itu menghendaki pemilik kediaman untuk membuka sendiri struktur besi yang dibina.

"Sisa struktur besi telah dipindahkan ke Stor JKME di Jalan Cheras untuk tindakan lanjut dan dokumentasi proses pelupusan," jelas DBKL.

Menurut DBKL, tindakan penguatkuasaan ini dijalankan di bawah kesalahan Seksyen 46, Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 kerana membuat halangan laluan koridor awam.

Operasi tersebut juga dijalankan di bawah Jabatan Penguatkuasaan dengan kerjasama Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta; Jabatan Kesihatan Alam Sekitar; Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal (JKME); Jabatan Kawalan Bangunan dan Pejabat Cawangan Wangsa Maju serta Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Dalam pada itu, DBKL juga menegaskan tindakan sebegini akan terus dilaksanakan di lokasi lain. 



KPDN WPKL akan melakukan pemantauan di lokasi tumpuan. - Gambar Hiasan

Mahkamah, Godfather dan anak menantu



ZULKIFLI SULONG

MAHKAMAH membuat keputusan-keputusan penting terhadap dua tokoh negara minggu lepas. Kes Tun Daim Zainuddin yang mencabar siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap beliau dan kes Tan Sri Mahiaddin Md Yassin yang dirayu oleh SPRM agar penolakan pendakwaan ke atasnya untuk beberapa kes diketepikan.

Dalam kes Tun Daim, yang disifatkan oleh sesetengah pihak sebagai 'Godfather of Malaysia' mahkamah menolak permohonan beliau.

Dalam tuntutan, Tun Daim memohon dua perkara:

Pertama untuk mahkamah menyemak keabsahan penyiasatan SPRM yang membawa kepada pembekuan aset Tun Daim, isteri dan anak-anaknya, termasuk penyitaan Menara Ilham.

Yang kedua, membatalkan pendakwaan kes mereka berikutan kegagalan mengisytiharkan harta.

Mahkamah membuat keputusan berikut:

1. Semakan atas penyiasatan ditolak kerana pasukan Tun Daim gagal tunjukkan adanya 'mala fide' atau 'niat jahat' SPRM. Ini berikutan penyiasatan adalah berdasarkan pendedahan media antarabangsa mengenai Pandora Paper.

2. Tuduhan 'pendakwaan terpilih' kerana Tun Daim menjadi musuh politik Perdana Menteri Malaysia perlu dibangkitkan dalam kes di Mahkamah Jenayah bukan Mahkamah Sivil.

3. Permohonan untuk membatalkan kes jenayah perlu dibangkitkan ketika perbicaraan kes tersebut, Mahkamah Sivil tiada bidang kuasa.

Apa yang Tun Daim gunakan?

Prinsip undang-undang:

'Nullum tempus occurrit regi' bermaksud 'no time runs against the King'

Peguam Daim berhujah, kes ini sudah 20 tahun, jadi SPRM tidak sepatutnya ambil tindakan kerana sudah lama.

Mahkamah membalas hujah ini dengan mengatakan tiada had masa untuk mendakwa bagi kes jenayah. Prinsip undang-undang had masa itu tidak terpakai. Walaupun kes sudah lama terjadi, masih lagi boleh diambil tindakan.

Makanya, kes jenayah tersebut perlu diteruskan di Mahkamah Tinggi.



MAHKAMAH akan membuat keputusan kes Daim dan Mahiaddin.

Bagi sahabat saya, aktivis Liyana Marzuki, ketika mengulas isu ini, kes pendakwaan yang dilakukan ke atas Tun Daim adalah kegagalan mengisytiharkan harta bagi harta yang disyaki terlibat dalam pengubahan wang haram.

Ini merupakan kesalahan yang disarankan oleh PBB (United Nation) dan Bank Dunia untuk diambil oleh negara-negara yang terdedah kepada kleptokrasi dan jenayah sindiket antarabangsa. Dipanggil 'illicit enrichment' atau 'unexplained wealth'.

Atau bahasa marhaennya: Kekayaan yang tidak boleh diperjelaskan.

Sebagai bekas Menteri Kewangan, kita hargai jasa beliau kepada negara.

Namun, *he owes it to the public*, untuk terangkan bagaimana isteri dan anak-anak beliau boleh jadi kaya raya dari usia muda. Ketika beliau jadi Menteri Kewangan juga, kata Liyana dalam ulasan beliau.

Ramai dalam kalangan pemimpin UMNO seperti Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, dan ramai pemimpin lain pernah mengeluarkan dakwaan, Tun Daim telah menyelewengkan harta parti UMNO dan secara peribadi, mendapat keuntungan besar dari penswastaan.

Maka, kita harap melalui kes ini Tun Daim boleh cuci nama, dakwaan itu salah belaka, kata Liyana dalam ulasan beliau.

Namun, katanya, kalau enggan isytihar harta, takut orang pikir lain pula.

Seorang lagi sahabat saya Zulkifli Anwar Ul-haq atau lebih dikenali sebagai Zunar, menyenaraikan berita penting yang berlaku minggu lalu termasuk kes Mahiaddin dan Daim ini.

Bagi beliau, Presiden BERSATU, Mahiaddin itu tergila-gila untuk jadi Perdana Menteri walaupun secara tidak halal. Minggu lalu beliau gagal untuk merayu terhadap perintah membebaskannya daripada empat pertuduhan rasuah bernilai RM232.5 juta.

Sebelum ini Mahkamah Tinggi telah membatalkan pendakwaan yang dibuat di Mahkamah Sesyen. Ekoran itu peguam Mahiaddin mengemukakan rayuan ke Mahkamah Rayuan tetapi dibantah oleh pendakwa atas alasan

Mahkamah Rayuan tidak berhak menyemak keputusan Mahkamah Sesyen.

Alasan penolakan keinginan Mahiaddin itu kerana kes rasuah tersebut bermula di Mahkamah Sesyen dan masih kekal di mahkamah sama. Mahkamah Rayuan tidak ada hak untuk mendengar rayuan Mahiaddin.

Mahkamah menetapkan 3 April ini untuk membicarakan kes itu di Mahkamah Sesyen dan bagi memaklumkan perkembangan rayuan berkenaan yang ditolak.

Keputusan itu dibuat tiga hakim dan dikembalikan semula ke Mahkamah Sesyen. Ini bermakna perlepasan dan pembebasan empat kes rasuah terhadap Mahiaddin itu ditarik balik dan beliau kekal dengan pertuduhan jenayah itu.

Kini kedua-dua tokoh yang didakwa bersekongkol dalam 'Langkah Dubai' ini terpaksa berdepan dengan kes mahkamah. Mereka perlu mempertahankan diri atas pendakwaan yang dibuat ke atas beliau.

Zunar, bekas Ketua Pengarang Suara Keadilan, juga menyenaraikan kes menantu Mahiaddin dalam berita ringkas beliau.

"Mentua gagal menantu pula yang diburu SPRM masih belum menyerahkan diri untuk tindakan lanjut. Pihak SPRM masih memberi peluang kepada menantu bekas PM itu untuk memberi kerjasama," tulis Zunar dalam ringkasan beritanya.

Sekiranya ia masih berdegil, kata Zunar, pihak SPRM tiada pilihan lain akan meminta Peguam Negara membuat tuduhan di mahkamah terhadap menantu bekas PM itu tanpa kehadirannya.

Menantu Mahiaddin, Muhammad Adlan bersama seorang lagi dikenal pasti meninggalkan Malaysia masing-masing pada 17 dan 21 Mei 2023.

Mentua gagal dalam rayuan manakala menantu masih terus diburu. Bini tentu dirundung bimbang, tulis Zunar.

Kini kes Daim dan Mahiaddin kembali ke mahkamah dan mahkamah akan membuat keputusan apakah nasib mereka.

PENULIS adalah pemberita yang mencatatkan peristiwa.



Jangan jual lesen bazar

SETAHUN pantas berlalu. Bulan Ramadan menjelma lagi. Umat Islam di negara ini dijangka mula berpuasa pada 12 Mac, menunaikan rukun Islam ketiga. Kawan-kawan Kedai Kopi ucapkan selamat berpuasa kepada semua.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, sempena bulan Ramadan, bazar Ramadan diadakan di seluruh negara, tidak terkecuali Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Inilah masa memberi peluang kepada peniaga memperoleh rezeki.

Pada masa sama ia memudahkan orang ramai membeli juadah terbuka. Maklum ramai suri rumah bekerja. Apabila pulang dan sering tersangkut dalam kesesakan lalu lintas, sampai di rumah sudah lewat untuk masak-memasak.

Jadi pilihan terbaik ialah berkunjung ke bazar Ramadan. Banyak pilihan tersedia untuk keluarga, baik lauk-pauk atau kuih-muih, juga minuman pelbagai rasa.

Beberapa buah bazar Ramadan popular dan sinonim dengan warga WP Kuala Lumpur

antaranya di Jalan Raja Alang, Kampung Baru; Jalan Tuanku Abdul Rahman (JTA), Wangsa Maju, Danau Kota dan Taman Melati. Malah mereka yang berniaga di lokasi ini boleh mengharap pulangan yang baik.

Setiap tahun sambutan sangat menggalakkan. Jumlah permohonan jauh melebihi petak Ramadan yang disediakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Undian perlu dibuat, hanya yang terpilih akan mendapat lesen berniaga.

Lesen ini adalah milik penama, tidak boleh disewa atau dijual kepada orang lain. Oleh itu nasihat dan ingatan kawan-kawan Kedai Kopi kepada yang mendapat lesen, patuhi syarat yang ditetapkan. Jangan mengejar keuntungan segera atas angin. Kes seperti ini telah kerap berlaku sebelum ini.

Berniagalah sendiri, manfaatkan sepenuhnya lesen yang diberi. Pulangan hasil usaha sendiri lebih menguntungkan. Jika tidak, masakan ada yang sanggup membayar harga tinggi untuk menyewa lesen. Jangan malas atau memohon lesen semata-mata dengan niat untuk disewakan.

Kes penipuan scammer

WALAUPUN sudah kerap didedahkan penipuan oleh scammer, ia masih belum dapat memberi pengajaran kepada orang ramai agar jangan mudah terpedaya hingga masuk dalam perangkap yang mereka pasang.

Polis juga memberi peringatan mengenai kaedah penipuan ini agar menjadi pedoman kepada orang ramai. Jika nasihat ini dihayati dan dijadikan perisai diri, ia boleh menjadi benteng mengelakkan daripada terpedaya.

Namun sedihnya pendedahan demi pendedahan serta nasihat demi nasihat diberi hanya bagi mencurahkan air ke daun keladi. Ramai terus terperangkap dengan penipuan, mengakibatkan kerugian puluhan hingga ratusan ribu, malah mencecah jutaan ringgit.

Pengarah Jabatan Siasatan Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamad Yoosuf sendiri melahirkan rasa kesal dengan apa yang berlaku. Menurut, sudah berbuih mulut memberi nasihat agar orang ramai tidak terpedaya. Tetapi kes penipuan terus menjadi-jadi.

Dua bulan memasuki tahun baharu 2024, kes penipuan komersial meningkat 34.3

peratus, iaitu 4,741 kes. Kerugian berjumlah RM559 juta. Dibandingkan dengan tempoh sama tahun lalu hanya 3,539 kes dengan kerugian RM181.71 juta.

Penipuan merangkumi pelaburan dalam talian yang menjanjikan pulangan berkali ganda dengan modal kecil dan dalam tempoh singkat. Bolehkah ini dipercayai? Mana ada jalan pintas menjadi kaya. Namun ramai percaya.

Ia ibarat umpan yang akan mengena jika tidak waspada. Kawan-kawan Kedai Kopi sendiri pernah menerima panggilan mendakwa daripada polis, mahkamah, Jabatan Hasil Dalam Negeri, pos laju, bank dan lain-lain.

Taktik mereka ialah menakutkan mangsa kononnya ada melakukan kesalahan jenayah. Penipu mendakwa masalah boleh diselesaikan dengan memindahkan wang ke nombor akaun diberi.

Jangan layan panggilan tidak dikenali. Cuma ramai kerap mudah panik dan takut apabila menerima panggilan seperti ini. Mereka sanggup memindahkan wang. Helah scammer mengena, mangsa berputih mata. Oleh itu berhati-hatilah. Kisah lalu jadikan teladan, nasihat polis jadikan ingatan.

Catatan pendek tentang sastera



KU SEMAN KU HUSSAIN

SAYA tidak pasti bila dan siapakah yang memulakan tanggapan bahawa karya sastera hanya untuk 'orang sastera' muncul di negara ini. Bagaimanapun tanggapan itu kini sudah menjadi biasa dan seolah-olah dipersetujui bahawa sastera untuk satu kelompok sahaja.

Sastera tidak menjadi salah satu keperluan hidup untuk mengenal dan menghayati kehidupan, sekali gus memberi reaksi terhadap pergolakan yang berlaku. Maka semua dalam kalangan masyarakat memerlukan sastera sebagai kanta untuk melihat hal-hal tersurat dan tersirat dalam kehidupan.

'Orang sastera' itu boleh difahami sebagai penggiat yang terdiri daripada penulis dan peminat karya yang bercorak kesusasteraan. Mereka yang menganggap tidak termasuk dalam kelompok yang kecil itu merasakan tidak ada kepentingan, bukan sahaja untuk membaca, tetapi juga mengambil tahu tentang hal-hal dalam dunia sastera.

Itu adalah tanggapan yang salah sama sekali. Akan tetapi itulah juga yang menjadi pegangan individu dalam banyak bidang profesional lainnya. Sebahagian besar daripadanya merasakan mereka tidak ada keperluan atau mempunyai kaitan sastera. Maka dengan bangga dan tidak rasa bersalah mengaku tidak pernah membaca karya sastera.

Saya fikir itu suatu keadaan yang semestinya diperbetulkan. Semua itu bukan untuk kepentingan sasterawan, tetapi untuk memerdekakan sesetengah pemikiran yang belum merdeka. Bukan untuk melariskan buku sastera seterusnya meningkatkan bayaran royalti kepada sasterawan.

Pengalaman menghadiri banyak

acara yang bercorak sastera mendapati sebahagian besar tetamu utama tidak mempunyai pengetahuan asas tentang sastera. Bukan sahaja tidak membaca karya-karya besar yang sangat signifikan dengan pembangunan manusia, malah tidak mengambil tahu perkembangannya.

Keberadaan tetamu itu pada acara sastera tidak lebih sebagai 'pembaca teks' yang disediakan oleh orang lain, terutama individu dalam kalangan arif sastera. Tidak nampak usaha untuk memahami dan mengambil tahu butir-butir yang diucapkan kepada khalayak sastera di depannya.

Ada beberapa teman sasterawan mengambil pendirian tidak hadir ke acara-acara sedemikian. Kata mereka, "Kita yang bergelumang berpuluh tahun dalam sastera, tiba-tiba seolah-olah berada dalam kuliah sastera dengan pertua itu dan ini untuk berkarya."

Secara rambang saya mendapati penghayatan terhadap sastera dalam kalangan pentadbir atau pemimpin adalah sangat rendah.

Hal itu tentulah menyukarkan mereka memahami keperluan dan membuat perancangan untuk memajukan lagi bidang kesusasteraan.

Sastera itu sendiri sebenarnya mendorong khalayak menikmati dan memahami kehidupan daripada perspektif yang berbagai-bagai. Hal itu menjadikan pendamping sastera lebih peka dengan persekitaran sosiobudaya yang mempunyai hubung kait antara kehidupan dulu, kini dan masa depan.

Karya dihasilkan oleh sasterawan yang juga pemikir dan pemerhati sosial bukan eksklusif, tetapi inklusif untuk semua golongan. Kesusasteraan adalah satu bidang berkaitan dengan pemikiran, manusia dan kemanusiaan. Tidak kira sama ada pemimpin politik, korporat, ahli ekonomi dan juga gelandangan. Sastera merentasi garis yang memisahkan antara kelas, bidang, budaya malah warna kulit.

Di negara maju, karya sastera dihayati oleh semua lapisan, kelompok dan bidang kepakaran. Bagi mereka, adalah amat memalukan kalau tidak membaca karya sastera atau tidak mengambil endah tentang hal-hal sekitarnya. Tidak hairanlah keadaan itu

menjadikan khalayak sastera di negara maju lebih luas berbanding negara mundur.

JURURAWAT PENYAKIT SOSIAL

SEKADAR menyebut beberapa karya oleh sasterawan besar yang pernah kita miliki yang mencerminkan pemikiran dan pemerhatian terhadap isu-isu yang melingkari rakyat. Novel *Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur* (1982) karya Sasterawan Negara Keris Mas adalah sebuah pandangan kritis mengenai Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Sementara novel *Hujan Pagi* (1986) oleh Sasterawan Negara A Samad Said tentang bingkai politik arus utama yang membelenggu ruang wartawan bekerja untuk rakyat. A Samad Said adalah sasterawan yang juga wartawan pada era awal kewartawanan Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

Hujan Pagi adalah karya wajib baca oleh semua termasuk pemimpin politik di mana rakan-rakan mereka yang bertanggungjawab merangka berbagai-bagai undang-undang untuk memperlahankan pengaruh wartawan. Malah *Hujan Pagi* juga

rujukan wajib wartawan muda untuk memahami erti 'makan gaji' dan 'makan hati' yang diungkapkan oleh pengarang novel ini.

Tidak ketinggalan karya-karya Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad yang sangat sinis dan kritikal terhadap sosiopolitik Melayu. Walaupun novel *Ranjau Di Sepanjang Jalan* banyak diperkatakan, tetapi *Rentong* (1965) tidak kurang tajamnya kritikan terhadap sikap buruk orang Melayu yang menjadi pak turut.

Saya tidak pasti berapa banyak pemimpin politik atau penyokong membaca novel Menteri karya Shahnnon. Novel yang nipis itu menyusur alam bawah sadar seorang menteri bernama Bahador. Suatu pagi ketika bersiap hendak ke pejabat dia diterjah layar masa lalu, banyak perkara tidak beretika yang dilakukan suatu waktu dulu kembali di ingatan.

Kalau menoleh ke Indonesia, karya sasterawan seperti Pramoedya Ananta Toer wajib dibaca oleh sesiapa sahaja tidak kira kaum atau budaya. Selain *Keluarga Gerilya* yang pernah dijadikan buku teks di sekolah negara ini tahun 1970-an, banyak lagi karya Pramoedya yang lebih kuat berbanding yang satu itu.


Antara yang lain itu sudah tentu *Bumi Manusia*, *Anak Semua Bangsa* dan *Arok Dedes* yang agak jarang diberi pendedahan. *Arok Dedes* sebuah cereka kudeta politik pertama di tanah Jawa. Penuh kelicikan, lempar batu menyembunyikan tangan, adu domba di mana akhirnya semua kekotoran itu ditanggung orang lain.

Berbalik pada sikap masyarakat pada sastera, ia bukan salah generasi muda sepenuhnya. Mereka adalah mangsa sistem pendidikan kebangsaan yang membina jurang luas antara sastera dan sains di peringkat sekolah lagi. Inilah masalahnya apabila sistem pendidikan dirangka oleh pihak yang tidak 'memahami' keperluan sastera dalam kehidupan manusia.

Hal itu berlaku secara berterusan walaupun dalam kalangan intelektual percaya sastera penting dalam sistem pendidikan kebangsaan. Bukan sahaja sebagai satu subjek kecil, tetapi keutamaannya ditonjol supaya menjadi pemangkin generasi yang memahami dan menjiwai hal-hal berkaitan manusia dan kemanusiaan.

Karya sastera mencerminkan kepercayaan, keyakinan dan pandangan alam golongan sasterawan. Untuk menyelak jiwa dan pemikiran aras tinggi, baca dan fahami karya-karya sastera.

Golongan sasterawan sudah melaksanakan tanggungjawab dengan bersungguh-sungguh sebagai jururawat penyakit sosial, jurubicara rakyat kepada yang ditindas dan penasihat tentang kebenaran kepada pentadbir dan pemimpin.



RAGAM KOTA

#minor



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



Bil 253 . 8-14 MAC 2024

Bagaimanakah Ramadan mereka?

►► 10-11

Angka kematian masih belum bernoktah

SABRINA SABRE & DIANA AMIR

RUNDINGAN gencatan senjata oleh Hamas dan pengantara untuk menghentikan pertempuran menjelang Ramadan terputus dan tidak menemui kata sepakat.

Menurut Pegawai Kanan Hamas, Bassem Naim, pihaknya sudah membentangkan cadangan untuk perjanjian gencatan senjata kepada pengantara sepanjang dua hari rundingan di Kaherah, Mesir.

"Kami kini sedang menunggu jawapan dari Israel yang menjauhkan diri daripada rundingan ini.

"Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu tidak mahu mencapai persetujuan dan kini berada di gelanggang Amerika Syarikat (AS) untuk mendesak bagi membuat perjanjian," ujarnya Israel enggan mengulas secara terbuka mengenai rundingan yang bermula pada Isnin (4 Mac).

Selain itu, sumber memberitahu sebelum ini Israel menjauhkan diri kerana Hamas menolak permintaannya untuk memberikan senarai semua tebusan yang masih hidup.

Naim berkata tuntutan itu adalah mustahil tanpa gencatan senjata terlebih dahulu kerana tebusan bertaburan di zon perang dan dipegang oleh kumpulan berasingan.

"Rundingan Kaherah dianggap sebagai cubaan terakhir untuk mencapai gencatan senjata di mana puluhan tebusan akan dibebaskan dan bantuan disalurkan ke Gaza untuk mengelakkan kebuluran menjelang Ramadan yang akan bermula minggu depan," ujarnya.

Sebelum ini, Menteri Kabinet Perang Israel, Benny Gantz memberi ancaman bahawa tenteranya akan menyerang bandar Rafah semasa bulan Ramadan jika tebusan yang ditahan oleh Hamas tidak dibebaskan.

"Saya katakan ini dengan jelas yang mana Hamas mempunyai pilihan. Mereka boleh menyerah diri, membebaskan tebusan dan dengan cara ini rakyat Gaza boleh menyambut Ramadan," kata Gantz pada persidangan di Baitulmaqdis.

Dalam masa sama, Sumber Keselamatan Mesir berkata mereka masih berhubung dengan Israel untuk membenarkan rundingan diteruskan tanpa kehadiran delegasi Israel.

Washington yang merupakan sekutu terdekat Israel dan penaja rundingan gencatan senjata berkata perjanjian yang diluluskan Israel sudah pun dibincangkan dan terpulang kepada Hamas untuk menerimanya.

Terdahulu, Presiden AS, Joe Biden menyatakan bahawa Israel bersetuju untuk menghentikan serangannya

SERANGAN ISRAEL KE ATAS GAZA			
ANGKA KEMATIAN TERKINI			
7 OKTOBER 2023 - 4 MAC 2024 10:00 GMT			
ISRAEL	PALESTIN		
	GAZA	TEBING BARAT	
TERBUNUH			
SEKURANG-KURANGNYA	SEKURANG-KURANGNYA	SEKURANG-KURANGNYA	
1,139	30,534	30,534	
	termasuk sekurang-kurangnya 12,300 kanak-kanak Lebih dari 8,000 hilang	termasuk 110 kanak-kanak	
CEDERA			
SEKURANG-KURANGNYA	SEKURANG-KURANGNYA	LEBIH DARIPADA	
8,730	71,920	4,600	
	termasuk sekurang-kurangnya 8,663 kanak-kanak		

di Gaza semasa bulan Ramadan sekiranya perjanjian gencatan senjata berjaya dicapai.

"Ramadan akan tiba dan Israel menyatakan mereka tidak akan melakukan aktiviti ketenteraan semasa bulan tersebut untuk memberi masa bagi membebaskan semua tebusan," kata Biden semasa Program Bual Bicara Late Night with Seth Meyers di rangkaian televisyen NBC.

Sebagai rekod, serangan Israel di Semenanjung Gaza sejak 7 Oktober lepas membunuh lebih 30,000 orang yang kebanyakannya wanita dan kanak-kanak selain menyebabkan kemusnahan besar-besaran, pemindahan penduduk serta kes kebuluran di wilayah Palestin yang terkepung itu.

Justeru itu, ia menyebabkan 85 peratus penduduk Gaza mengalami kekurangan makanan, air bersih dan ubat-ubatan manakala 60 peratus infrastruktur turut rosak.

GESAAAN GENCATAN SENJATA

TERUS konsisten dalam menentang kekejaman Israel, Malaysia mengulangi gesaan terhadap gencatan senjata serta-merta dan berkekalan selain menegaskan Israel mesti bertanggungjawab atas pertumpahan darah yang tidak berkesudahan dan kemusnahan di Gaza.

Ketika menyampaikan Kenyataan Negara pada sesi ke-55 Sesi Majlis Hak Asasi Manusia di Geneva, Timbalan Menteri Luar Malaysia, Datuk Mohamad Alamin memberitahu sesi peringkat tinggi bahawa mereka yang memilih untuk pertumpahan darah dilanjutkan adalah bersubhat dalam kekejaman

Israel.

"Paling tidak yang boleh kita lakukan ialah memastikan Majlis memenuhi mandatnya. Berdiam diri, tidak bertindak dan layanan istimewa daripada Majlis juga mencerminkan persekongkolan!" ujarnya.

Beliau menegaskan bahawa Malaysia akan berdiri bersama mereka yang ditindas dan mengutuk kekejaman sambil memperjuangkan keamanan dan kesejahteraan manusia.

"Malaysia tidak akan mengalah sehingga keadilan ditegakkan, impunity (tidak dikenakan sebarang hukuman) dimansuhkan dan Palestin memperoleh kerusi yang sah sebagai negara anggota penuh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)," ujarnya lagi.

Dalam pada itu, beliau berkata Malaysia juga akan terus menyuarakan pandangan kepada dunia agar mengambil tindakan tegas atas kezaliman rejim Zionis di Palestin termasuklah cadangan menggantung keahlian Israel daripada mana-mana pertubuhan antarabangsa yang dianggotainya.

"Penggantungan keahlian Israel dalam mana-mana pertubuhan antarabangsa adalah antara opsyen yang akan disuarakan Malaysia termasuk di platform seperti PBB, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan ASEAN.

"Kita juga akan terus mengambil bahagian seperti apa yang telah difailkan oleh Afrika Selatan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) iaitu memberi pandangan supaya ICJ juga ambil tindakan tegas terhadap Israel yang tidak berperikemanusiaan itu," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan



KANAK-KANAK Palestin menunggu untuk mendapatkan makanan di sebuah kem pelarian di Rafah pada 23 Disember lalu. Foto: AFP



Rakyat baru-baru ini.

Selain itu, beliau berkata kerajaan juga akan terus menyalurkan bantuan kepada rakyat Palestin

melalui sumbangan daripada Tabung Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP) kepada agensi kemanusiaan yang terlibat.



Duta Palestin gesa henti keganasan di bulan puasa

SELURUH dunia melahirkan kebimbangan mendalam terhadap rakyat Palestin di Gaza menjelang Ramadan ini apabila rejim zionis masih meneruskan serangan di wilayah tersebut.

Duta Besar Palestin ke Malaysia, **Walid Abu Ali** turut menggesa gencatan senjata disegerakan dan tanpa syarat di Gaza bagi memudahkan koridor kemanusiaan menyampaikan bantuan yang mendesak kepada rakyat Palestin.

“Ramadan amat bermakna kepada semua umat Islam. Tetapi tidak kepada semua penggan di Israel pada masa ini. Perkara ini tidak akan pernah berubah sama ada pada Ramadan atau sebaliknya.

“Israel akan terus menyerang dan membunuh rakyat Palestin yang tidak bersalah,” ujarnya ragu-ragu bahawa tentera rejim akan menghentikan serangan mereka.

Beliau turut mengecam Menteri Keselamatan Israel, Itamar Ben Gvir kerana mengesyorkan untuk menyekat kemasukan umat Islam ke Masjid Al-Aqsa semasa Ramadan.

Dalam pada itu, Walid berkata Palestin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dan rakyat Malaysia atas sokongan teguh mereka terhadap negara itu semasa sesi pendengaran awam di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) di The Hague.

“Bagi pihak rakyat Palestin, kami mengagumi dan sangat

menghargai mesej yang disampaikan Malaysia di The Hague,” katanya pada sidang media di Kuala Lumpur pada Isnin.

Malaysia dalam menyampaikan kenyataan lisan pada sesi pendengaran awam berhubung isu Palestin di ICJ pada Februari mendesak Israel mesti menghentikan semua pencabulan yang berterusan dan serta-merta berundur dari Wilayah Palestin yang Diduduki (OPT).

Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan yang menyampaikan kenyataan itu juga menyenaraikan empat elemen substantif utama hak untuk menubuhkan negara sendiri bagi rakyat Palestin - hak terhadap integriti wilayah,

hak terhadap kesatuan wilayah dan perlindungan terhadap integritinya, hak terhadap kedaulatan kekal ke atas kekayaan dan sumber semula jadi serta kebebasan untuk menikmati pembangunan ekonomi, sosial dan budaya.

Malaysia juga menegaskan mengenai kewajipan semua negara dunia untuk terus menyokong Agensi Kerja dan Bantuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNRWA) bagi Pelarian Palestin dan sebaliknya menghentikan sebarang bantuan kewangan atau ketenteraan kepada Israel.

Terdahulu, peperangan Palestin Israel yang tercetus pada 7 Oktober tahun lalu menyaksikan sekurang-kurangnya 30,534 orang telah terbunuh manakala 71,980 lagi cedera.



WALID

Serangan 150 hari ragut lebih 13,000 kanak-kanak

PEPERANGAN Israel di Gaza kini telah melepasi tempoh lima bulan sekali gus menyaksikan beribu-ribu rakyat Palestin telah terbunuh, ratusan ribu orang awam dipindahkan sekali gus mengubah bandar menjadi runtuhan.

Sehingga 5 Mac 2024, Pejabat Media Kerajaan Gaza memaklumkan seramai 30,631 terbunuh di mana jumlah terbesarnya adalah kanak-kanak iaitu 13,430 diikuti 8,900 wanita dan 8,301 lelaki sementara 7,000 lagi dipercayai hilang di bawah runtuhan.

Memetik laporan *Reuters*, Kementerian Kesihatan Gaza berkata sekurang-kurangnya 25 kanak-kanak telah meninggal dunia akibat kekurangan zat makanan atau dehidrasi di Hospital Kamal Adwan di Beit Lahiya, utara Gaza yang merupakan wilayah paling ketara kekurangan makanan.

Kini Rakyat Palestin berdepan krisis kekurangan makanan yang mendesak dan bedilan bertubi-tubi tentera Israel dalam pertempuran berterusan di wilayah Palestin

ketika rundingan damai berjalan di Kaherah, Mesir pada Isnin (4 Mac).

Bagaimanapun, jurucakap Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Christian Lindmeier berkata beliau yakin angka sebenar adalah jauh lebih tinggi.

“Bekalan bantuan kemanusiaan termasuk makanan, tidak dapat memasuki Gaza sejak pertengahan Januari dan bekalan sedia ada di wilayah yang bergolak sudah lama habis.

“Menjadi satu kesalahan besar jika masyarakat antarabangsa terus berdiam diri membiarkan anak-anak ini menemui ajal,” katanya.

Dalam serangan terbaharu, Israel bertindak membedil trak bantuan di Gaza sehingga mengorbankan beberapa orang termasuk kanak-kanak, namun pihak tentera menafikan trak itu membawa bantuan.

Bantuan makanan ke seluruh Gaza semakin berkurangan daripada apa yang diperlukan dan keadaan itu lebih teruk di utara kerana satu-satunya lintasan di mana Israel

benarkan trak melaluinya adalah di selatan.

Serangan Israel lebih 150 hari itu menyaksikan pelbagai kemusnahan lebih-lebih lagi mereka menyerang sektor penjagaan kesihatan sehingga mengorbankan 364 paramedik; 269 paramedik diculik; 155 fasiliti kesihatan dimusnahkan, 32 buah hospital lumpuh dan 126 ambulans telah dibom.

Dalam tempoh sama, kematian dalam kalangan wartawan di Gaza sejak 7 Oktober 2023 sehingga 23 Februari 2024 mencecah 132 orang berikutan pembunuhan Mohammad Yaghi dan Musab Abu Zaid bersama keluarga masing-masing dalam serangan udara yang menyasarkan kediaman mereka di kem pelarian Nuseirat.

Laporan terkini bertarikh 1 Mac, agensi PBB untuk pelarian Palestin, UNRWA, berkata purata kira-kira 150 trak memasuki Gaza sehari pada bulan Januari telah turun kepada 97 trak pada bulan Februari sedangkan sebanyak 500 trak diperlukan setiap hari.





Rezeki 'katak' jalanan

SYUQREE DAIN

Video: HASIF HALIMI

SEKILAS pandang, pasti ada yang terlintas siapakah gerangan individu ceria di sebalik maskot katak merah jambu yang setia melayan kerenah kanak-kanak mahupun orang dewasa di hadapan sebuah pusat beli-belah terkemuka di ibu kota Kuala Lumpur.

Perwatakan comel diselangi aksi nakal mengejar pejalan kaki yang melalui kawasan tersebut membuatkan ramai yang teruja untuk mendekati dan mengambil gambar mahupun berkenalan dengannya.

Namun siapa sangka, di sebalik telatah mencuit hati amfibia itu terselit kisah perjuangan seorang anak muda yang kental. Dia sanggup meredah terik mentari serta lebatnya hujan sejak Mei tahun lalu demi kelangsungan hidup keluarga tercinta.

Salman Abdullah, 23, yang merupakan pemegang permit KL Street Artist Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjadikan kerja sebagai pemakai maskot untuk menyara kakaknya yang kurang upaya.

Menyingkap rutin hariannya, seawal pukul lapan pagi, anak kedua daripada tiga orang adik-beradik ini mula mengemas pakaian serta peralatan yang akan dibawa dan berjalan kaki sekitar pukul 10 pagi dari Chow Kit ke Bukit Bintang bersama keluarganya yang juga merupakan penghibur jalanan.

Salman yang menjadi 'katak' jalanan selama 12 jam setiap hari berkata adakala hanya mampu meraih pendapatan RM13 sehari namun ia tidak pernah melunturkan semangatnya untuk terus berjuang. Untuk sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi di talian **011-1424 6815** (Salman). 



GELAGAT nakal Salman mengejar pengunjung menjadi tarikan dan membuat beliau berbeza dari maskot lain di luar sana.



KELIBAT
maskot
katak mesra
berwarna
merah jambu
ini boleh
ditemui
di sekitar
kawasan Bukit
Bintang.

Kuih tradisional pilihan berbuka puasa

DIANA AMIR

TIDAK lengkap rasanya jika tiada kuih-muih pemanis mulut sebagai menu hidangan tatkala berbuka puasa mahupun sebagai alas perut sebelum menunaikan solat terawih.

Setiap tahun apabila tibanya bulan Ramadan, ada sahaja aneka kuih *viral* yang muncul namun kuih-muih klasik tetap menjadi pilihan hati dan kekal pujaan zaman-berzaman.

Menurut Ketua Chef Hotel Pulse Grande Putrajaya, **Hairy Ismail A Rahman**, 44, menjelang Ramadan kuih tradisional pastinya dicari sebagai pilihan berbuka kerana keunikannya.

“Walaupun di luar sana ada pelbagai jenis *dessert* yang diperkenalkan namun di sini kita masih ketengahkan kuih-kuih tradisional seperti kuih lopes, onde-onde, ketayap, karpap dan juga koci.

“Kuih tradisional ini antara yang wajib kerana kita tahu ia mempunyai peminat yang tersendiri,” ujarnya kebanyakan kuih tradisional tidak diubah resipinya kerana ingin mengekalkan tradisi serta nostalgianya.

Namun, dalam masa yang sama, Chef Hairy turut tidak melupakan golongan yang sedang berdiet dengan mempersembahkan kuih-muih yang diolah menggunakan gula Melaka yang ternyata tidak mengandungi kalori yang tinggi. Jom kenali kuih-muih yang menjadi rebutan!

KUIH LOPES

Kuih Lopes adalah sejenis kuih yang dibuat daripada tepung pulut yang lembut dan manis. Ia biasanya dilengkapi dengan sajian kuah gula melaka yang kental dan aroma santan yang harum. Kombinasi rasa manis gula melaka, kelembutan



pulut dan santan adalah tanda khas Kuih Lopes. Setelah sejuk, ia dipotong dan digaul dengan kelapa parut kering.

Setiap suapannya adalah sepotong nikmat yang memikat, menghadirkan cita rasa tradisional yang begitu akrab dan mengasyikkan. Ia menggunakan bahan seperti beras pulut, daun pandan, gula melaka dan daun pisang. Jadi, mari nikmati kelazatan kuih lopes yang mengundang selera dan nostalgia dalam setiap gigitan. Selamat mencuba!

Tips cef: Untuk kuih yang berunsur pulut seperti kuih lopes pastikan guna beras pulut susu kerana ia akan menghasilkan tekstur kuih yang lembut.



ONDE-ONDE

Sejenis kuih tradisional yang boleh didapati di negara-negara Asia Tenggara seperti Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura. Ia diperbuat daripada bebola diuli dari tepung pulut, tepung beras, garam, air dan daun pandan direbus sebelum disaluti kelapa parut.

Dohnya diperbuat daripada tepung pulut yang adakalanya

dicampur dengan ubi.

Doh ini diwarnakan dengan air perahan daun pandan wangi atau suji.

Tips cef: Untuk daun pandan terdapat dua jenis panjang dan pendek. Bagi kuih, pilih daun pandan yang pendek kerana wangi dan warna kuih akan lebih cantik.

KUIH KOCI

Kuih koci merupakan sejenis kuih tradisional yang popular di



Indonesia, Malaysia dan Singapura. Di Malaysia ia popular terutama di kawasan Pantai Timur iaitu di Kelantan dan Terengganu. Kuih ini diperbuat daripada tepung pulut dan mempunyai inti kelapa manis bercampur gula nisan (gula Melaka) di dalamnya. Ia kemudiannya disalut dengan santan sebelum dibalut dengan daun pisang dan dihidangkan.

Doh kuih koci boleh dipelbagaikan contohnya kuih koci labu yang menggunakan buah labu kuning dan ada juga kuih koci pulut hitam yang menggunakan tepung beras pulut hitam. Kuih koci memiliki tekstur yang lembut dan lembik, rasanya manis dan berlemak.

Tips cef: Untuk inti kelapa sama ada untuk kuih koci atau badak berendam gunakan kelapa yang tidak terlalu tua atau terlalu muda.


KARIPAP

Karipap atau epok-epok merupakan sejenis makanan yang popular di Malaysia yang terdapat

dalam pelbagai perisa bergantung kepada inti di dalamnya. Bahan utama inti karipap ialah daging dan kentang. Ubi kentang sering digunakan sebagai inti karipap, adakalanya inti ubi keledek juga digunakan. Inti tersebut menggunakan serbuk kari sebagai bahan perasa kadang-kadang ada yang menggemari inti yang menggunakan lada hitam.

Ada yang kata kulit karipap kampung ini dia 'berjerawat', itulah yang membuatnya menjadi lebih sedap. Kuih karipap juga selalunya menjadi pilihan menu dalam mesyuarat. Biasanya ia disertakan dengan kopi dan teh panas. 

PERCUMA UNTUK YANG CELIK HATI



DAPATKAN JUGA VERSI
E-PAPER WILAYAHKU DI
WWW.WILAYAHKU.COM.MY

Didik usahawan Melayu kekal bersaing

AZLAN ZAMBRU

KEJATUHAN usahawan muda khususnya orang Melayu dalam mempertahankan dan mengembangkan perniagaan menjadi titik tolak kepada wanita besi ini meninggalkan imbuhan lumayan secara bulanan yang diterimanya dari syarikat minyak terkemuka kebanggaan negara.

Kekurangan ilmu untuk mengembangkan perniagaan serta terperangkap pada skala sama bertahun-tahun menyebabkan Datuk Faridah Hanim Haron, nekad terjun ke dunia kejuruteraan perniagaan demi menyelamatkan dan menambah syarikat-syarikat milik bumiputera untuk terus bertahan seperti jenama antarabangsa yang lain.

Berkongsi kisahnya, beliau yang lebih mesra dikenali sebagai Ibu Hanim menyifatkan tindakannya itu bermula pada tahun 2012 apabila memperolehi data kajian dari sebuah bank tempatan yang menyatakan syarikat milik bumiputera hanya mampu bertahan antara tiga hingga lima tahun sahaja.

"Masa itu ibu tahu sangatlah bahawa anak-anak muda kita banyak menceburi bidang keusahawanan dan ia amat baik kerana sebelum ini tiada penekanan terhadap bidang tersebut disebabkan kebanyakannya tidak sanggup untuk mengambil risiko.

"Jadi ibu sangat sokong, dan sebagai individu yang mendapat banyak pendedahan serta pernah terlibat dengan banyak organisasi gergasi termasuklah perunding dari seluruh dunia, dan setelah mendapat laporan itu ibu sedih kerana ia melibatkan anak-anak Melayu dan mereka tiada ilmu pengetahuan untuk mengekalkan perniagaan," katanya.

Tambahnya, secara jelas usahawan bumiputera hanya mempunyai ilmu berkenaan jualan dan pemasaran sahaja dan ilmu untuk sesebuah perniagaan itu bertahan lama tiada.

"Bukan salah mereka kerana mereka tidak pernah duduk dalam dunia korporat, jadi pendedahan dan strategi untuk mengembangkan perniagaan itu tiada," katanya yang juga pengasas Annems Leadership Solution Sdn Bhd.

Disebabkan perkara itu, Ibu Hanim terbuka hati untuk meletakkannya di sebuah syarikat gergasi biarpun telah berkhidmat selama 20 tahun dan pernah merancang untuk bekerja sehingga bersara.

"Setelah memikirkan masalah yang membelenggu usahawan bumiputera serta memikirkan perjuangan dan pengorbanan yang perlu dilakukan, ibu mengambil langkah untuk berhenti kerja dan mahu mengajar untuk mengembang dan mengekalkan perniagaan," katanya.

Beliau yang berpengalaman sebagai Pakar Pembangunan Organisasi dan Pengurusan Perubahan itu turut berasa kagum dengan semangat usahawan muda ini kerana berani untuk mengubah kehidupan.

"Mereka hendak keluar dari kitaran hidup yang mencabar, contohnya jika mereka datang dari keluarga petani, mereka wajar menjadi petani moden namun kebanyakannya enggan berubah, jadi golongan usahawan baharu ini mempunyai semangat seperti itu, mahu ubah kehidupan.

"Semangat itu memang bagus dan mereka mempunyai kamahuan untuk berlumba, suka berniaga dan jarang ibu dengar zaman sebelum

anak-anak muda hari ini mahu berniaga disebabkan hendakkan pekerjaan yang ada jaminan, jadi generasi kini ada keberanian.

Katanya, usahawan hari ini hanya mempunyai satu sahaja kekurangan iaitu apabila mempunyai untung sedikit, mereka akan ada kejutan budaya.

"Apabila berniaga, mungkin tahun pertama atau kedua sudah dapat rasai nilai jualan dan keuntungan yang mencecah jutaan ringgit, namun mereka tidak mempunyai ilmu pengurusan kewangan yang menyebabkan perniagaan tidak dapat bertahan," ujarinya.

Disebabkan kelemahan itu, Ibu Hanim berkata beliau tampil dengan program Business Sustainability Solution (BSS) yang diadakan selama lima bulan, 16 hari dan 11 malam yang secara khususnya untuk memberikan kefahaman dan ilmu supaya usahawan ini dapat memberikan tumpuan untuk meningkatkan dan mengembangkan perniagaan sehingga menjadi sebuah konglomerat.

"Misalnya ibu akan ajar berapa peratus daripada hasil pendapatan yang perlu disimpan untuk mengembangkan perniagaan dan ilmu apa yang perlu dipelajari untuk langkah seterusnya,

"Selain itu usahawan turut diajar untuk menguruskan kewangan dan mereka juga diingatkan sekiranya sudah mencapai jualan yang tinggi agar tidak naikkan papan iklan yang tertera wajah usahawan dan bukannya produk kerana itu semua adalah sangat peribadi berbanding objektif perniagaan, atau produk yang perlu dikedepankan," katanya.

Ibu Hanim berkata daripada 100 peratus usahawan semasa,

lebih 50 peratus dalam kalangan usahawan bumiputera mempunyai masalah yang dinyatakan.

"Apabila disebut untuk meningkatkan skala perniagaan ini saya simpulkan kepada formula 5M, ia sangat penting iaitu *manpower, money, machine, material* dan *method*.

"Kebanyakannya usahawan tidak melengkapi kesemua 5M ini dan akhirnya kecundang disebabkan tidak berkemampuan untuk menyediakan modal pusingan," katanya.

Ujar Ibu Hanim, pihaknya telah melatih sebanyak 400 syarikat daripada kumpulan pertama sehingga

kini mencecah kumpulan ke 15.

"Dalam 400 syarikat ini, ibu rasa hanya 10 peratus sahaja yang secara sepenuhnya mengikut dan mengamalkan apa yang diajar dan perniagaan mereka kukuh sehingga kini.

"Mereka boleh lepaskan perniagaan dan memantau dari jauh kerana pasukan mereka cekap dan juga kaedah presentation untuk mengembangkan perniagaan

menggunakan carta dan fakta yang tepat malah keputusan yang dibuat juga berpanduan kepada fakta, jauh sekali menggunakan persepsi semata-mata," katanya. 



PENGIKLANAN AKHBAR

MUKA PENUH 26 cm x 32 cm	SEPARUH MUKA 26 cm x 16 cm
SUKU MUKA 13 cm x 16 cm	PANEL BAWAH 26 cm x 6 cm

PENGIKLANAN DIGITAL

Home page
Under headline
Size: W: 7 x
H: 90-200 pixel

Page: Berita
Iklan 1
Size: W: 250 x
H: 250 pixel

Page: Berita
Antara 2
perenggan berita
size: W: 250 x
H: 250 pixel

Page: Berita
Iklan 2
Size: W: 360 x
H: 250 pixel

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

MEDIA WARGA KOTA

WILAYAHKU

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT
Untuk khidmatan rundingan pengiklanan sila hubungi:
03-8861 5260

Alamat:
YWP MEDIA SDN BHD (1304797-X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2,
62100 Putrajaya



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada sesi pemukiman Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Australia di Melbourne.



TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (tengah) ketika Majlis Peluncuran Bulan Pertahanan Awam Sedunia serta Hari Ulang Tahun Pertahanan Awam yang ke-72.

SEMINGGU



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar menghadiri Majlis Penyampaian Zakat Perniagaan kepada Pusat Pungutan Zakat - Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.



TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (empat kiri) bersama barisan menteri ketika Kongres Ekonomi Bumiputera 2024.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa melepaskan kira-kira 50 motosikal dalam Fun Ride Semarak Ramadhan di depan Masjid Al-Husna Kampung Baru pada Ahad.



MENTERI Belia dan Sukan, Hannah Yeoh (dua kanan) menyampaikan bantuan persekolahan Program Back To School anjuran Majlis Perwakilan Penduduk Sub Zon 5 Segambut dengan kerjasama Yayasan Prihatin Nasional dan Reading Bus Club Kuala Lumpur.



MENTERI Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad (tengah) menghadiri Sambutan Rumah Terbuka Setiawangsa 2024 sempena Tahun Baharu Cina.

Pembiayaan perumahan SPWP

Bantu pemilik percepat proses bayaran

HAZIRAH HALIM

BAGI melancarkan proses pembayaran pembiayaan perumahan Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan (SPWP), laman buah mesin pembayaran debit disediakan di Pusat Pemerkasaan Pendidikan dan Komuniti (PREPKOM) terpilih. Eksekutif SPWP, **Muhammad Izzat Amir Mohd Rahimi** berkata langkah tersebut bagi memudahkan peserta-peserta yang tinggal di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA).



MUHAMMAD IZZAT

“Sebelum ini, kami dapati rata-rata pemilik rumah perlu bergerak mencari bank berdekatan untuk menjelaskan pembayaran tetapi kita faham akan kekangan yang dihadapi.

“Justeru itu, SPWP mencari penyelesaian dengan meletakkan mesin ini sebagai salah satu alat

teknologi yang memudahkan dan mempercepatkan proses pembayaran tanpa perlu bergerak ke mana-mana,” katanya.

Tambahnya, proses pembayaran tersebut melibatkan peserta-peserta Fasa 1 di bawah Skim Pembiayaan Perumahan SPWP dan terbuka hanya untuk

pemegang akaun Bank Simpanan Nasional (BSN).

“Biasanya mereka sudah tahu berapa bayaran bulanan yang perlu dijelaskan, jadi setakat ini tiada masalah malah kami dapati sejak adanya mesin ini, ia lebih memudahkan pemilik rumah untuk menyelesaikan pembayaran.

“Mesin ini link dengan BSN namun untuk segala rekod bayaran misalnya dari segi jumlah yang perlu dibayar dan baki tertunggak, ia dikawal oleh SPWP dan pemilik rumah boleh menghubungi SPWP untuk mendapatkan rekod masing-



MESIN pembayaran debit memudahkan proses pembayaran balik pinjaman SPWP.

masing,” ujarnya pihak SPWP akan sentiasa memantau segala rekod pembayaran yang dilakukan oleh pemilik rumah.

Dalam masa sama, mereka yang

ingin membuat pembayaran balik pinjaman pembelian rumah PPR/PA secara dalam talian, boleh melalui akaun BSN masing-masing. Terdahulu, laman PREPKOM

INFO

BSN

<https://www.mybsn.com.my>

Yayasan Wilayah Persekutuan

Tel : 03 2698 3073

<https://www.yayasanwp.org>

IMBAS SAYA



yang terlibat adalah PPR Cempaka, PPR Pantai Ria, PPR Kampung Limau, PPR Kerinchi, PPR Desa Tun Razak, PPR Hiliran Ampang, PPR Kampung Baru Air Panas dan PPR Sungai Bonus.

Sebarang maklumat lanjut berhubung skim pinjaman dan proses pembayaran pembiayaan rumah di bawah SPWP, boleh layari laman web rasmi Yayasan Wilayah Persekutuan. 📞

Teater Puteri Hang Li Po kembali

DIANA AMIR

TEATER Muzikal Puteri Hang Li Po merupakan antara tiga program utama Istana Budaya yang bakal dipentaskan secara eksklusif di pentas Encore Melaka pada Oktober ini.

Ketua Pengarah Istana Budaya, **Zubaidah Mukhtar** berkata teater muzikal itu mengimbuai salah satu sejarah kegemilangan zaman Kesultanan Melayu Melaka yang pernah dipentaskan di Panggung Sari, Istana Budaya pada tahun 2004.

“Istana Budaya akan menjadi sebahagian pemangkin kepada usaha kerajaan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menyemarakkan industri pelancongan budaya sekali gus signifikan kepada simbolik sambutan 50 tahun hubungan diplomatik budaya Malaysia dan Republik Rakyat China (RRC).

“Mengekalkan keaslian jalan cerita dengan beberapa penambahbaikan, muzikal gala ini akan menjadi bukti kerjasama strategik bersama Encore Melaka yang telah menjadi *venue* persembahan antarabangsa tersohor,” katanya ketika berucap pada Majlis Peluncuran Program IB 2024 dan Buku Rekaan Kostum.

Zubaidah berkata meskipun salah satu fungsi Istana Budaya sebagai *venue provider* ditangguhkan sementara, namun Istana Budaya tetap akan menganjurkan tiga buah program utamanya tahun ini termasuk Program Jangkauan Orkestra Tradisional Malaysia (OTM): Sounds of



ZUBAIDAH (kiri) ketika Majlis Peluncuran Program IB 2024 dan Buku Rekaan Kostum.

Malaysia dan Lambang Sari Series.

“Program Jangkauan OTM: Sounds of Malaysia akan diteruskan legasi kecemerlangannya di lima lokasi dengan berfokus kepada Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta sebagai salah satu platform seni persembahan dan perkongsian ilmu muzik tradisional Malaysia menerusi bengkel yang akan diadakan kelak.

“Satu lagi jenama Istana Budaya yang mendapat tempat di hati khalayak seni Malaysia iaitu Sounds of Malaysia, Lambang Sari Series 2024 juga akan dibawa bersama Program Jelajah ‘Gerak’. Produk istimewa oleh Orkestra Simfoni Kebangsaan (OSK) ini juga akan berada di beberapa *venue* persembahan terpilih sekitar Lembah Klang,” ujarnya Istana

Budaya pada tahun ini mengambil pendekatan utama melalui Siri Jelajah ‘Gerak’ yang akan membawakan beberapa aktiviti berimpak tinggi.

Mengulas lanjut, Zubaidah berkata Panggung Sari Istana Budaya kini masih belum dibuka untuk beroperasi atas sebab memberi ruang kepada kerja-kerja penambahbaikan dan penyelenggaraan bangunan khususnya bumbung dan dijangka akan beroperasi semula pada tahun 2026 selaras dengan Tahun Melawat Malaysia 2026 (Visit Malaysia 2026). 📞



PELBAGAI aktiviti menarik sepanjang karnival berlangsung.

Karnival VIKids rai kanak-kanak

PUSAT Beli-Belah Alamanda kembali dengan Karnival VIKids bermula dari 23 Februari sehingga 10 Mac 2024 dengan menjanjikan pengalaman imersif buat ahli VIKids dan keluarga.

Ketua Pegawai Eksekutif Suria KLCC Sdn Bhd, **Francis Tan** berkata seiring dengan kehadiran cuti sekolah, kempen yang berlangsung selama 17 hari ini direka khas untuk memberikan keseronokan selari elemen pendidikan.

“Kempen ini amat istimewa dan merupakan bukti. Ruang Centre Court dihiasi dengan khemah berwarna putih dan merah yang akan menjadi sebagai tumpuan kepada pelbagai permainan karnival yang menyeronokkan, permainan arked, aktiviti kraf serta seni bina,” ujar beliau.

Sebarang pembelian yang berjumlah RM300 dan ke atas yang dilakukan di mana-mana kedai terpilih bakal menerima selimut kanak-kanak eksklusif ‘We Bare Bear’ tajaan Miniso.

Untuk mengambil bahagian di karnival, ahli VIKids berpeluang menebus sekeping karnival pas harian secara percuma jelasnya kanak-kanak yang bukan ahli VIKids berpeluang untuk mendaftar sebagai ahli dengan pembelian bernilai sekurang-kurangnya RM50 di dalam satu resit. 📞



Menerima bukan bermaksud melupakan

TERNYATA bukan mudah untuk merangkul kesedihan dan mencari hikmah. - Gambar hiasan

KESEDIHAN adalah pengalaman universal yang melampaui budaya, agama, umur, dan apa jua keadaan. Ia adalah emosi yang dialami oleh semua individu secara langsung atau tidak langsung tindak balas kepada kehilangan, sama ada kematian orang yang dicintai, putus hubungan, kehilangan pekerjaan, atau apa jua perkara buruk yang berlaku dalam hidup ini. Dalam masyarakat kita, sering kali terdapat tekanan untuk pulih daripada kesedihan dengan segera dan kembali normal secepat mungkin.

Stigma yang sering dimomokkan adalah isu pemikiran negatif, sakit jiwa, atau kemurungan. Walau bagaimanapun, mengatasi kesedihan bukanlah laluan mudah, dan penerimaan adalah komponen penting penyembuhan bagi seseorang individu. Ternyata bukan mudah untuk merangkul kesedihan dan mencari penerimaan dan hikmah di tengah-tengah kehilangan atau kedukaan.

Kesedihan adalah satu pengalaman yang rumit dan mempunyai pelbagai dimensi. Ia merangkumi pelbagai emosi, seperti marah, rasa bersalah dan tidak berdaya. Setiap individu

mengalami kesedihan secara berbeza dan pada masa yang berlainan. Adalah penting untuk mengenali bahawa kesedihan adalah tindak balas semula jadi kepada sesuatu kejadian negatif dan tidak ada cara yang betul atau salah untuk bersedih.

Sebagai contoh, apabila kita melihat berita kemalangan, kematian, kegagalan dalam pekerjaan atau kehidupan, kita mungkin merasa sedih pada tahap yang berbeza. Kesedihan berlaku di luar jangkaan seseorang yang mungkin belum bersedia untuk menerima kejadian negatif tersebut. Tiada garis panduan untuk menentukan tahap kesedihan dan jangka masa yang diperlukan untuk mengatasi kesedihan ini.

Walaupun setiap peringkat kesedihan adalah penting, penerimaan sering dilihat sebagai puncak proses kesedihan. Menerima tidak bermaksud melupakan orang yang telah pergi. Sebaliknya, ia melibatkan pengintegrasian kehilangan tersebut ke dalam kisah hidup seseorang dan pencarian cara untuk memulihkan semangat walaupun sukar dan menyakitkan.

Penerimaan membolehkan individu menghormati memori orang yang telah pergi sambil merangkul kemungkinan masa depan yang cerah.

Penerimaan bukanlah sesuatu yang berlaku dalam satu malam, setahun atau tiga tahun. Ia mungkin melibatkan bertahun-tahun. Ia adalah proses beransur-ansur yang memerlukan kesabaran, belas kasihan diri dan sokongan. Satu strategi praktikal untuk membina tahap penerimaan ialah membenarkan diri anda untuk merasa dan mengekspresi emosi secara terbuka.

Strategi ini mungkin melibatkan menulis jurnal, bercakap dengan rakan atau terapis yang dipercayai, melibatkan diri dalam media kreatif atau apa jua cara yang terbaik untuk anda. Penerimaan adalah proses yang mengambil masa agak lama untuk seseorang individu menerima kejadian sedih itu.

Sokongan daripada orang yang dikasihi, kumpulan sokongan atau terapis boleh memberikan bantuan yang tidak ternilai dalam proses penerimaan itu. Berhubung dengan orang lain yang telah mengalami kesedihan sama

boleh menawarkan rasa empati dan strategi penyelesaian yang praktikal.

Mencari kaedah untuk menghormati ingatan orang yang telah meninggalkan kita boleh menjadi sebahagian penting dalam proses penerimaan. Cara ini mungkin melibatkan penciptaan ritual atau tradisi yang menghormati kehidupan mereka. Ia juga boleh melibatkan pencarian makna dalam kehilangan dan penyaluran tenaga kepada tindakan positif atau hubungan dengan orang lain.

Adalah penting untuk mengenali bahawa penerimaan bukanlah proses yang mudah. Ia mungkin akan mengambil masa bertahun dan kegagalan adalah sebahagian semula jadi dalam perjalanan mengatasi kesedihan itu.

Terdapat saat-saat apabila kesedihan terasa melampau atau amat menyakitkan seperti luka lama dirobek kembali. Pada masa ini, amat penting untuk mengamalkan belas kasihan diri dan sabar dengan diri sendiri. Mencari sokongan daripada orang lain dan melibatkan diri dalam aktiviti penjagaan diri boleh

membantu mengemudi saat-saat mencabar ini dan maju ke arah penerimaan.

Kesedihan adalah perjalanan yang berbeza bagi setiap individu, tetapi penerimaan adalah destinasi yang sama iaitu mencari hikmah dan kekuatan diri. Dengan menghargai tahap kesedihan dan mencari penerimaan di tengah-tengah kehilangan, individu boleh menghormati ingatan orang yang dikasihi sambil membina masa depan. Sebenarnya adalah lebih baik untuk bersedih, merasa kesakitan, dan mencari sokongan daripada orang lain.

Akhirnya, penerimaan membolehkan kita mencari ketenangan di tengah-tengah kesakitan dan mengenang orang yang kita cintai atau apa jua kejadian negatif dalam perjalanan kita melalui kehidupan serta lebih bersedia dengan segala ujian yang mendatang.

PENULIS Dr Azleen Ilias merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Perakaunan dan Kewangan, UNITEN Business School (UBS), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

ISU

BESAR

Bakal Tiba.....

Muzium Labuan dicadang tapak warisan kebangsaan

KEMENTERIAN Perpaduan Negara mencadangkan Muzium Labuan disenaraikan sebagai bangunan atau tapak warisan kebangsaan.

Menterinya, **Datuk Aaron Ago Dagang** berkata beliau yakin usaha itu dapat dicapai menerusi kerjasama Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan Jabatan Warisan Negara.

"Sejak mula ditubuhkan 20 tahun lalu iaitu pada 2004, Muzium Labuan telah berjaya menarik kehadiran kira-kira 1.15 juta pengunjung hingga tahun lepas.

"Ini menunjukkan betapa pentingnya peranan muzium dalam menyampaikan warisan kepada generasi muda.

"Justeru itu, saya percaya

pengiktirafan Muzium Labuan sebagai Tapak Warisan Kebangsaan bukan sahaja untuk memperkasakan warisan budaya negara, tetapi ia menjadi pencapaian yang begitu signifikan bagi seluruh penduduk Labuan sekali gus menjadikan Muzium Labuan sebagai tarikan utama pengunjung ke Labuan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Semarak @ Muzium Labuan 2024 dengan tema Semarakkan Budaya, Perkasakan Komuniti, baru-baru ini.

Tambahnya, JMM akan menambah baik muzium yang ada di pulau itu dan akan bekerjasama dengan Jabatan Warisan Malaysia untuk mengiktiraf Muzium Labuan sebagai bangunan atau tapak Warisan Kebangsaan.



AARON (tiga dari kiri) menyampaikan sijil dan trofi penghargaan.

Mengulas lanjut, Aaron memberitahu bermula bulan April 2024 ini JMM akan melaksana

Sistem Terimaan Hasil Secara Elektronik (Cashless) yang telah mendapat kelulusan Kementerian

Kewangan pada 29 Disember 2023.

Muzium Negara akan menjadi projek rintis *cashless* seterusnya diperluas di 10 Muzium yang lain. Kaedah yang akan diguna pakai melalui pembayaran kad kredit, debit dan transaksi perbankan Internet.

Pada majlis itu, beliau turut melancarkan calendar acara JMM 2024 yang merangkumi 122 program untuk dilaksanakan di 22 buah muzium sebagai usaha untuk merejuvenasikan muzium agar lebih dekat dengan masyarakat.

Hadir sama Timbalan Ketua Pengarah Dasar, Jabatan Muzium Malaysia, Muhamad Shawali Badi dan Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Datuk Jaafar Sidek Abdul Rahman. 

Dua tahun jalan runtuh

Penduduk rayu tangani isu

PENDUDUK Kampung Kilan dan Bukit Kalam di sini merayu kepada pihak berkuasa untuk menangani isu jalan runtuh di kampung itu yang telah berlanjutan lebih dua tahun lalu.

Tinjauan *Wilayahku* di kawasan tersebut baru-baru ini mendapati keseluruhan struktur jalan itu runtuh sehingga menyebabkan laluan utama ke kampung berkenaan tidak dapat digunakan.

Menurut Ketua Kampung Kilan, **Mohammad Hassan Kapal**, kejadian tersebut berlaku pada awal tahun 2021 lagi dan menyebabkan kesukaran kepada penduduk kerana ia merupakan laluan utama keluar dan masuk ke kampung ini.

Katanya, kejadian tanah runtuh itu berlaku berpuncu daripada aktiviti pengorekan tanah oleh pihak tertentu dan mengakibatkan berlakunya pergeseran tanah yang telah memusnahkan struktur jalan itu.

"Isu ini telah saya bawa sejak dua tahun lalu kepada pihak yang berwajib untuk meminta pembaikan jalan ini kerana ianya merupakan jalan utama kepada lebih 30 buah keluarga di kawasan ini.

"Sepanjang lebih dua tahun ini, terdapat beberapa pihak telah mengadakan lawatan demi lawatan



PENDUDUK kampung pernah mengumpul dana sendiri dan membaiki kerosakkan.

untuk melihat dan menilai kerosakan jalan ini namun sampai sekarang masih

belum ada lagi sebarang berita baik untuk pembaikan jalan ini dan berharap Kerajaan MADANI dapat memberikan perhatian dan mengambil tindakan

secepatnya agar masalah ini dapat

ditangani demi kemudahan dan keselamatan penduduk di sini," katanya baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Hassan turut menyuarakan isu kerosakan beberapa batang jalan di kampung itu yang agak merisaukan kepada semua penduduk.

Jelasnya, demi keselamatan dan kesejahteraan penduduk, beliau dan warga kampung terpaksa melakukan

gotong-royong membaiki beberapa jalan di kampung itu yang rosak dengan menggunakan kewangan mereka sendiri.

"Kalau cakap mengenai isu jalan rosak ini, di kampung ini sahaja terdapat beberapa jalan yang rosak. Aduan dan permohonan telah dihantar namun sampai sekarang ianya tidak ada sebarang perkembangan," katanya,

Hassan berkata pihaknya terpaksa mengumpul dana daripada penduduk kampung termasuk menggunakan elauun sebagai Ketua Kampung untuk membaiki beberapa

batang jalan di sini bagi mengelakkan kejadian yang tidak diinginkan berlaku.

"Kerja-kerja baik pulih

ini dilaksanakan sekadar yang kami mampu demi keselamatan dan kesejahteraan penduduk," katanya.

Bagi penduduk, **Mariah Abdullah**, 72, beliau menzahirkan kebimbangan terhadap isu jalan runtuh itu yang berdekatan dengan rumah kediamannya.

Katanya, sejak jalan ini runtuh, dia amat bimbang kerana hakisan tanah semakin lama semakin teruk dan menyebabkan lantai rumahnya turut retak.

"Sudah dua tahun lebih kejadian itu dan kira-kira tiga kali lantai bahagian dapur rumah saya retak akibat

hakisan tanah runtuh ini. Jika berlakunya hujan lebat itu lebih membuatkan saya risau dan takut," katanya. 



MARIAH ABDULLAH



AZMAN (kiri) menyampaikan sijil kepada wakil DOSM.

Jiwa Madani galak daftar PADU

JABATAN Penerangan Malaysia (JaPen) Labuan dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menganjurkan Program Jiwa Madani: Jalinan Insan Wahana Aspirasi (JIWA) sebagai satu platform bagi menggalakkan masyarakat untuk mengemas kini data dalam Sistem Pangkalan Data Utama (PADU).

Menurut Pengarahnya, **Azman Sipan**, penganjur program itu adalah bertujuan memberi pendedahan dan maklumat mengenai kepentingan PADU kepada komuniti.

Katanya, menurut rekod DOSM, setakat 29 Februari hanya seramai 11,846 orang telah mengisi data ke dalam sistem PADU.

"JaPen Labuan mengambil peluang melalui program ini bagi mengajak semua pihak khususnya komuniti

di peringkat akar umbi bersama-sama menjayakan hasrat Kerajaan menjadikan PADU sebagai pangkalan data utama negara yang selamat dan komprehensif," katanya kepada pemberita, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata pihaknya sentiasa memberikan kerjasama yang padu kepada DOSM untuk bersama-sama mempromosikan PADU ini kepada semua golongan masyarakat di pulau itu.

"Kita berharap Program JIWA ini menjadi satu platform terbaik buat JaPen Labuan untuk bekerjasama dengan masyarakat setempat dalam usaha memasarkan dan menyampaikan dasar kerajaan selain menyemarakkan semangat perpaduan serta kerjasama dalam kalangan masyarakat," katanya. 

Jamin penjimatan perbelanjaan

PPj perkenal pas bulanan tanpa had

SABRINA SABRE

PIHAK Perbadanan Putrajaya (PPj) memperkenalkan inisiatif kad Nadi30 dan Nadi10 yang merupakan pas bulanan perjalanan tanpa had untuk pengguna perkhidmatan bas Nadiputra di sekitar Putrajaya.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa**, pengenalan dua kad yang dilancarkan baru-baru ini merupakan inisiatif pihak PPj untuk menggalakkan orang awam menggunakan perkhidmatan bas Nadiputra sebagai pilihan pengangkutan awam di Putrajaya.

“Kad Nadi yang diperkenalkan ini terbahagi kepada dua jenis iaitu Nadi30 dan Nadi10.

“Kad Nadi30 adalah bernilai sebanyak RM30 sebulan yang mana dikhususkan kepada semua pengguna kecuali warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan pelajar sekolah.

“Untuk kad Nadi10 pula bernilai hanya RM10 sebulan dan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu warga emas, OKU serta pelajar sekolah menengah dan



ZALIHA ketika merasmikan Pelancaran Kad NADI30 dan NADI10 Bas Nadi Putra Putrajaya dalam Majlis Aspirasi 2024: Bersama Memacu Wilayah Persekutuan Sejahtera di Putrajaya.

rendah.

“Pengenalan kad ini adalah satu daripada inisiatif di bawah

Putrajaya Model Bandar Rendah Karbon 2030 yang mana ia bertujuan untuk mengurangkan

pelepasan karbon daripada kenderaan awam khususnya kenderaan persendirian,” ujarnya.

Dalam masa sama, Zaliha berkata pas bulanan itu turut memberi jaminan penjimatan perbelanjaan tambang secara bulanan khususnya kepada pengguna tetap perkhidmatan bas Nadiputra.

“Seterusnya, ia juga dilaksanakan bagi memberi peluang kepada orang awam untuk berurusan dan bersiar-siar di sekitar Putrajaya dengan tambang tanpa had,” tambah beliau.

Sementara itu, Presiden PPj, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud berkata maklumat lanjut dan permohonan kad tersebut boleh dibuat secara dalam talian melalui portal www.ppj.gov.my.

Beliau berkata setiap individu hanya boleh memiliki satu kad dan kad yang dimohon akan dihantar ke alamat seperti yang tertera di borang permohonan.

“Kad tersebut yang hanya dikhususkan untuk warganegara dijangka boleh mula digunakan pertengahan bulan ini selari dengan pembukaan sekolah penggal baharu,” ujarnya kad itu hanya boleh digunakan oleh warga tempatan dan tidak sah bagi warga asing. 

228 peserta tempuh cabaran PLW Explorace 2024

SERAMAI 228 orang peserta hadir memeriahkan acara Putrajaya Lake and Wetland (PLW) Explorace 2024 bertempat di Padang Semarak, Taman Wetland, Presint 13, Putrajaya, baru-baru ini.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Alam Sekitar, Tasik & Wetland PPj, **Normaliza Noordin**, peserta terlibat telah berentap dalam dua kategori yang dipertandingkan iaitu kategori terbuka dan kategori Institut Pengajian Tinggi (IPT) bagi merebut gelaran Lake Warrior 2024.

“Peserta perlu melalui perjalanan

sejauh 16 kilometer (km), meliputi kawasan seluas 170 hektar dan perlu melaksanakan 12 tugas bagi melengkapkan cabaran termasuklah aktiviti lake crossing di Central Wetland dan cabaran ‘fear factor’ yang bermula seawal pukul 7 pagi hingga 5 petang.

“Bagi PLW kategori terbuka edisi ke-11, takhta Lake Warrior 2024 berjaya menjadi milik Pasukan GKL Warrior. Gandingan mantap Azam Mohd Shidid dan Wan Muhammad Razuan Rafeeq yang hanya mengambil masa selama 2 jam 20 minit untuk menamatkan cabaran PLW sekali

gus membuatkan mereka menerima Anugerah Pasukan Terbaik Lelaki.

“Tempat kedua pula disandang oleh Pasukan HYGO dan tempat ketiga dimenangi oleh pasukan ME & MIE.

“Untuk kategori IPT, dua pasukan daripada Politeknik Port Dickson megah di podium apabila berjaya merangkul gelaran Lake Warrior 2024 dan tempat kedua. Bagi tempat ketiga pula dimenangi oleh Pasukan SIMBA iaitu gandingan pelajar UiTM Shah Alam,” ujar beliau.

Bagi setiap kategori, pemenang tempat pertama akan dianugerahkan gelaran Lake Warrior 2024 dan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM3,000 manakala tempat kedua mendapat RM2,000, tempat ketiga menerima RM1,000 dan RM200 untuk tempat keempat sehingga ke-20 yang mana masing-masing juga akan membawa pulang sijil dan medal.

Menariknya, para peserta turut berpeluang memenangi 50 hadiah cabutan bertuah yang disediakan penganjur terdiri daripada pelbagai kelengkapan aktiviti outdoor. Cabutan bonanza utama iaitu Mountain Bike telah dimenangi oleh peserta kategori terbuka, Mohammad Faris Mohd Noor Azmi. 



NORMALIZA (bawah kanan) bersama para pemenang kategori terbuka PLW Explorace 2024.



Sertai lawatan berpandu percuma

BERITA baik buat penduduk Putrajaya dan sekitarnya apabila pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) mengumumkan penyediaan Lawatan Berpandu Jejak Senibina pada Mac 2024.

Menurut PPj, lawatan berpandu itu dilaksanakan bertujuan untuk memberikan pendedahan sejarah mengenai pembangunan dan seni bina di Putrajaya.

Selain itu, PPj memaklumkan pemandu pelancong pihaknya akan membawa Lawatan

Berpandu Jejak Senibina pada 2, 3, 9 dan 10 Mac sahaja.

Jika ingin mengetahui dengan lebih lanjut mengenai Wilayah Persekutuan Putrajaya, para pengunjung boleh walk in di I-Centre, Dataran Putra.

Sesi lawatan akan bermula pada pukul 9 hingga 10.30 pagi. Untuk tips, sila bawa bekalan air minuman sendiri, memakai losyen pelindung matahari (sunscreen) selain pakai topi dan cermin mata untuk keselesaan dan keselamatan diri. 

Idam ke Piala Thomas 2024

Haikal sasar juara Masters Orleans

SABRINA SABRE

PEMAIN beregu lelaki negara, **Muhammad Haikal Nazri** meletakkan sasaran membawa pulang mahkota kejuaraan sulung tahun ini bersama pasangannya, Choong Hon Jian pada Kejohanan Badminton Masters Orleans 2024 di Orleans, Perancis pada 12 hingga 17 Mac ini.

Atlet berusia 22 tahun itu berkata dia mahu mengecap kejayaan membanggakan di Orleans bagi menambat hati jurulatihnya untuk menyenaraikan mereka ke dalam skuad Piala Thomas 2024 yang bakal berlangsung di Chengdu, China, pada 28 April hingga 5 Mei 2024.

"Alhamdulillah setakat ini persediaan semua dalam keadaan baik, kalau tengok pada undian pun agak bagus dan ada peluang untuk rangkul juara di Orleans. Kami berharap untuk layak ke Piala Thomas 2024, jadi kena buktikan ketika di Orleans ini.

"Sekiranya menang, sudah tentu gelaran tersebut dapat beri kepercayaan kepada jurulatih, jika kalah macam mana nak masuk ke skuad Piala Thomas," ujar anak jati Kelantan itu.



MUHAMMAD HAIKAL (kiri) dan Hon Jian berpuas hati apabila berjaya menundukkan beregu Taiwan, Lin Bing Wei-Su Ching Heng dalam Kejohanan Masters Guwahati di Assam, India.

Muhammad Haikal-Hon Jian bakal membuat perhitungan dengan satu lagi wakil negara, Lwi Sheng Hao-Jimmy Wong pada pusingan pertama dalam kejohanan bertaraf Super 300 tersebut.

Biar pun dibelenggu prestasi kurang meyakinkan pada permulaan musim, Muhammad Haikal berkata dia dan Hon Jian sedang berusaha keras mencapai semula persembahan terbaik mereka

Disember lepas sehingga bergelar juara dua kali berturut-turut di India pada saingan Antarabangsa India Syed Modi 2023 dan Masters Guwahati.

Muhammad Haikal-Hon Jian memulakan kempen 2024 dengan tersingkir seawal pusingan kedua pada Masters Indonesia 2024 kepada Daniel Lundgaard-Mads Vestergaard dari Denmark, 17-21, 19-21.

Nasib ternyata tidak menyebelahi pasangan ranking ke-39 dunia itu apabila terpaksa menarik diri pada pusingan pembukaan Masters Thailand 2024 baru-baru ini susulan kecederaan buku lali dialami Muhammad Haikal sewaktu ketinggalan 7-16 pada set pertama kepada Kim Won Ho-Na Sung Seung dari Korea Selatan.

Beralih kepada perkembangan terbaharunya, Muhammad Haikal

Pencapaian Muhammad Haikal

2024 - Masters Thailand

2024 - Masters Indonesia

2023 - Kejohanan Masters Guwahati - **Emas**2023 - Kejohanan Antarabangsa Syed Modi - **Emas**

kini menetapkan misi untuk memasuki ranking *top 32* dunia kerana mahu beraksi di kejohanan lebih besar iaitu Super 750 dan Super 1,000.

"Saya sudah bincang dengan Hon Jian iaitu selepas memintas empat gandingan Akademi Badminton Malaysia (ABM), kami tidak lagi menetapkan sasaran memburu gelaran sebaliknya memburu ranking dengan misi jelas, kami ingin pintas pasangan senior, Nur Izzuddin-Sze Fei," ujarinya banyak yang perlu ditingkatkan dari segi fizikal, kawalan dalam gelanggang termasuk kualiti hantaran bulu tangkis. **W**

Stadium perlu dinaik taraf

KEMENTERIAN Belia dan Sukan (KBS) mencadangkan supaya stadium utama di semua negeri dinaik taraf dengan memanfaatkan peruntukan bantuan geran RM500,000 daripada Kerajaan Persekutuan.

Menurut KBS, cadangan itu dibuat menerusi Mesyuarat Penyelaras Menteri/ Exco Pembangunan Belia dan Sukan Negeri Bil.1/ 2024 yang dipengerusikan oleh Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh di Menara KBS baru-baru ini.

"Projek menaik taraf stadium itu adalah sebagai persediaan Kejohanan Liga

Malaysia (Liga-M) selain memastikan padang bola sepak berada dalam keadaan baik dan mengelak berlakunya air bertakung atau banjir semasa Liga-M berlangsung.

"Kerajaan negeri yang telah bersetuju perlu memberi komitmen bagi beberapa perkara iaitu menentukan lokasi stadium yang dipersetujui oleh kerajaan negeri setelah mendapat pandangan Malaysian Football League (MFL).

"Peruntukan sebanyak RM300,000 adalah untuk naik taraf sistem saliran padang serta menggunakan khidmat

kontraktor yang berwibawa dan sesuai dengan standard digariskan oleh MFL," ujarinya.

Dalam masa sama, KBS memaklumkan peruntukan RM200,000 pula perlu digunakan untuk menaik taraf padang dengan menukar rumput kepada jenis rumput bilah halus (*fine-blade grass*).

"Sementara itu, mesyuarat turut mencadangkan supaya kerajaan negeri berbincang dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) masing-masing bagi melihat semula kadar bayaran lesen dikedudukan premis-premis berkaitan sukan terutamanya gimnasium dan pusat snuker. "Ia adalah untuk membantu para penggiat industri sukan terutama dalam mengurangkan kos operasi yang ditanggung mereka," ujarinya.

Selain itu, KBS turut menyentuh mengenai pindaan kandungan Kod Sukan Selamat dengan memasukkan elemen baharu iaitu larangan merokok termasuk rokok elektronik (*vape*) semasa penganjuran atau menjalankan aktiviti sukan.

Terdahulu, KBS bertegas tidak akan berkompromi dengan isu berkenaan kerana ia mampu mendatangkan kebimbangan kepada banyak pihak. **W**



HANNAH berharap syarikat tempatan termasuk GLC untuk tampil memberi ganjaran.

Habuan menanti pemenang

ATLET kebangsaan yang membawa pulang pingat pada Sukan Olimpik 2024 di Paris yang dijadual berlangsung dari 26 Julai hingga 11 Ogos ini bakal menerima habuan sebuah kereta berjenama luar negara.

Menteri Belia dan Sukan, **Hannah Yeoh** berkata pihak Jawatankuasa Road To Gold (RTG) telah menerima tawaran daripada syarikat kereta tersebut yang berminat untuk memberi ganjaran kepada atlet negara yang berjaya menamatkan podium pada temasya sukan terbesar dunia itu.

Bagaimanapun Hannah berkata pihaknya turut berharap syarikat berkaitan kerajaan (GLC) atau syarikat jenama Malaysia akan tampil memberi sokongan untuk memberikan ganjaran kepada atlet

negara khususnya yang berjaya memenangi emas pertama Malaysia di Paris.

Dalam masa sama, Hannah memaklumkan ketika ini, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menerusi Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM) menawarkan ganjaran wang tunai sebanyak RM1 juta kepada pemenang emas Sukan Olimpik.

"Bagi pemenang perak pula, mereka akan menerima ganjaran RM300,000 manakala gangsa RM100,000.

"Selain itu, mereka turut menerima Skim Imbuhan Tetap Olimpik yang diberikan secara bulanan sepanjang hayat di mana pemenang emas diberikan RM5,000, RM3,000 (perak) dan gangsa RM2,000," ujar beliau. **W**



PROJEK naik taraf stadium sebagai persediaan Kejohanan Liga-Malaysia. - Gambar hiasan

Jangan mudah panggil bimbo

DEEL ANJER

PELAKON **Alya Iman** menyalur tindakan sesetengah individu yang menganggap ramai pelakon wanita muda sebagai bimbo.

Bagi Alya atau nama sebenarnya Nur Alya Iman Azmil, 22, gelaran bimbo yang bermaksud gadis cantik tetapi bodoh itu sebagai keterlaluan kerana ramai anak muda sekarang bijak mengatur masa depan mereka.

“Bagi saya, bimbo dan tidak berpendidikan adalah dua perkara berbeza. Apa yang penting adalah pandai bawa diri. Generasi seperti saya adalah bijak dan suka mencari ilmu walaupun bukan hanya di sekolah.

“Saya sendiri belajar sampai SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) saja, tapi saya sentiasa mencari ilmu di

mana-masa sahaja saya pergi dan belajar macam mana nak hormat orang.

“Jadi tidak sepatutnya memberi gelaran tersebut kerana setiap zaman sudah pasti ada perbezaannya. Kami suka belajar sesuatu, rajin cari rezeki dan sebagainya,” katanya.

Menurut anak bongsu kepada pelakon hebat, Allahyarham Azmil Mustapha ini, budaya mudah menghukum itu sebenarnya memberi persepsi negatif kepada anak-anak muda yang sepatutnya diberikan semangat.

“Bagi saya, janganlah menghukum seseorang semudah itu. Rasanya umum tahu orang muda sekarang pandai cari duit sendiri. Misalnya ramai yang memulakan bisnes dan berusaha untuk majukan diri.

“Sepatutnya masyarakat

sekarang memberi semangat dan mendoakan yang baik-baik buat generasi muda. Bukannya menghukum atau pandang negatif hanya secara luaran tanpa mengetahui hal sebenar,” katanya.

Bukan itu sahaja, gara-gara wataknya sebagai Dania dalam drama bersiri *Rampas Cintaku 2*, Alya Iman dikecam netizen.

Malah ada yang melabelkan kononnya watak Dania sebagai ‘penyondol’ atau wanita yang ganggu rumah tangga orang lain itu adalah sikap sebenar Alya di alam realiti.

“Kalau ada yang cakap saya seperti watak yang saya bawa tu, ikut suka merekalah. Tak semua orang kenal saya. Apa yang penting, keluarga dan kawan-kawan rapat tahu. Watak dalam drama, hanya dibawa mengikut skrip dan arahan pengarah.

“Saya tak rasa terkesan pun (apa orang cakap) sebab saya tahu apa yang betul dan apa yang salah. Cuma dilihat dari sudut positif, apabila ada orang terkesan dengan lakonan saya, itu bermaksud saya mampu membawanya,” jelas Alya.

Dalam masa sama, dia tidak mahu menjadi pelakon yang berharap kepada rupa paras dan populariti semata-mata. Untuk itu, Alya giat menggali ilmu dalam lakonan.

“Jika sebelum ini saya banyak belajar lakonan di lokasi penggambaran, sekarang saya keluar dari zon selesa dengan mengikuti kelas lakonan bersama Farah Ahmad selain turut mendapat tunjuk ajar daripada Pengarah seperti Eyra Rahman,” ujarnya yang kini semakin popular setelah membintangi drama bersiri *Layang-layang Perkahwinan*. 

Sophia elak perkara bukan-bukan

JIKA sebelum ini nama pelakon jelita **Sophia Albarakbah** sering dihimpit cerita-cerita panas, kini pelakon filem *Harimau Malaya* ini mahu fokus bekerja.

Pemilik nama sebenar Sharifah Sophia Syed Abdul Rahman, 31, berkata kontroversi yang datang bukanlah kehendaknya dan dia tidak mampu menutup mulut orang daripada terus berkata-kata.

“Sekarang adalah masa untuk fokus bekerja. Biarlah orang kenal saya menerusi bakat lakonan pula. Iyalah, asyik cerita panas saja. Nanti orang naik bosan.

“Tentang kontroversi itu, ia bukanlah dirancang dan tak boleh halang pun kalau ia nak datang. Namun, kalau boleh saya nak elakkan perkara-perkara yang boleh mengundang cerita yang tidak elok.

“Saya masuk industri kerana minat dan cinta dalam bidang lakonan. Segala peluang yang ada, tidak harus saya sia-siakan,” ujarnya yang dikatakan menjadi rujukan kepada artis-artis baharu dalam menangani kontroversi.

Ternyata bukan mudah jika terkait dengan kontroversi namun Sophia berjaya melepasi fasa tersebut dengan caranya yang tersendiri.

“Tipulah kalau cakap saya tak pernah stres memikirkannya dulu. Macam-macam cerita timbul dan saya harus berhadapan dengan situasi itu. Kalau ada yang anggap saya sebagai rujukan atau contoh apabila berhadapan dengan kontroversi, itu penilaian masing-masing.

“Saya tak boleh kata itu cara terbaik atau bagus. Semuanya terpulung kepada diri masing-masing,” katanya.

Sophia berkata elakkan sikap terburu-buru dalam membuat sebarang tindakan dan perlu bijak mengawal emosi.

“Perkara pertama yang perlu dilakukan apabila berhadapan situasi yang kurang menyenangkan adalah bertenang. Jangan sesekali atau elak perkara yang bukan-bukan dan membuat kenyataan yang tak sepatutnya.

“Jangan cepat melenting dan dalam masa yang sama, fikirkan kesan sebelum menjawab atau bertindak. Binalah kekuatan diri dengan memohon kepada Allah dan terus fokus terhadap apa yang kita minat. Sibukkan diri dengan kerjaya.

“Macam saya terlalu minat berlakon. Apabila fokus, insya-Allah apa dugaan atau cerita sensasi yang datang, boleh membuatkan kita rasa kurang terbeban memikirkan soal kecaman atau komen-komen netizen,” ujarnya.

Penerima anugerah Ratu Telenovela dan Pelakon Wanita Popular di Anugerah Telenovela Ke-9 ini meluahkan rasa syukur apabila bakatnya semakin diterima ramai.

“Sekarang *shooting back to back*. Memang penat tapi saya bersyukur rezeki tidak pernah putus. Saya sangat mengidolakan Erra Fazira. Dia sangat hebat dan merupakan seorang primadona yang hadir dengan pakej lengkap.

“Apabila semakin hari nama saya semakin dikenali dan ini membuatkan saya lebih bersemangat untuk berkarya. Dalam masa yang sama, sebagai pelakon sudah tentu saya juga mengharapkan pengiktirafan dari sudut kualiti lakonan,” ujarnya mengimpikan untuk bergelar pelakon terbaik. 



Bayaran lumayan tidak gugat prinsip

PELAKON Hisyam Hamid, 38, mengaku tidak mudah melanggar prinsip hidupnya sebagai pelakon andai diberi tawaran istimewa atau bayaran lumayan untuk melakonkan babak *soft porn* atau lucuk ringan.

Bagi Hisyam, setiap pelakon mempunyai alasan tersendiri untuk melakonkan adegan tersebut.

“Menyentuh soal *soft porn* ini, setiap pelakon ada pandangan masing-masing. Saya tak boleh nak menilai orang lain kerana mereka lebih tahu apa yang terbaik buat diri masing-masing.

“Cuma apabila ditanya, saya sendiri tidak selesa melakonkan adegan tersebut meskipun menggunakan teknik kamera dan ditawarkan bayaran lumayan. Ada sesetengah babak memerlukan adegan merogol. Saya takkan ambil. Bagi saya, perkara ini sangat sensitif. Tak tahu kenapa saya jadi kurang selesa dengan perkara itu apatah lagi hendak melakonkannya.

“Saya tak risau pasal kecaman disebabkan bawa watak-watak tertentu. Itu perkara biasa. Cuma hendak melakonkan watak merogol tu, walaupun ia tidak secara rasmi, saya tak boleh lakonkannya.

“Saya elak watak-watak sensitif kerana itu adalah kehendak saya sendiri. Dalam masa yang sama, saya ada keluarga. Apa yang saya nak lakukan kena fikir mereka kerana saya juga menjadi contoh,” katanya.


Hisyam juga berkongsi pengalaman pernah ditawarkan watak ustaz homoseksual.

“Saya tak nafikan memang ada tawaran misalnya membawakan watak ustaz yang mengamalkan hubungan homoseksual. Mungkin adegan yang sensitif diambil posisi dari belakang, saya tak boleh. Bayangkan Kalau anak-anak saya tengok. Saya lebih memilih menjaga hati mereka.

“Setakat ini anak tak pernah tanya pasal watak yang saya bawa. Cuma saya perlu jaga agar semuanya terkawal.

“Biasanya kalau saya dapat tawaran, bayaran adalah perkara terakhir yang akan saya tanya. Perkara pertama yang saya tanya adalah watak dan jalan ceritanya. Perkara kedua adalah jadual sama ada *available* atau tidak.

“Andai kata ditawarkan bayaran lumayan sekalipun, saya tak bolehlah. Bila dah berlakon atau balik dari *shooting*, saya nak balik tidur dengan tenang,” luahnya. 





WILAYAHKU

● BIL 253 ● 8 - 14 MAC 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)



TIDAK perlu untuk berasak sehingga membahayakan diri untuk mencium Hajarul Aswad.

Elak melakukan tindakan yang membawa prejudis Imbangi perbuatan sendiri

PERSONALITI media sosial dinasihatkan untuk menggunakan pengaruh mereka ke arah kebaikan dan mengelakkan tindakan yang boleh membawa prejudis, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar.

Beliau berkata demikian susulan tular video seorang pempengaruh dan usahawan terkenal yang sedang menjalankan ibadah umrah mengundang perhatian, apabila berlaku pergelutan ketika mahu mencium Hajarul Aswad.

"Saya tekankan bahawa mencium Hajarul Aswad itu perkara sunat dan ketika mana dalam keadaan atau suasana di persekitaran tawaf itu berada dalam situasi tenang. Tetapi sekiranya keadaan itu membahayakan keselamatan dan sebagainya boleh membawa aib terbuka kain ihram dan sebagainya, jadi boleh membawa kepada hukum haramketika itu.



MOHD NA'IM

"Oleh kerana hukum ini berbeza mengikut keadaan, jadi saya mengambil kesempatan untuk menasihati khususnya kepada sahabat-sahabat pempengaruh untuk menggunakan pengaruh mereka ke arah kebaikan dan melihat kepada batasan-batasan tertentu khususnya dalam konteks ibadah," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Kerjasama antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Tenaga

Nasional (Uniten) di sini hari ini.

Katanya seorang pempengaruh perlulah mengimbangi perbuatan antara populariti, mengajak atau berniat mengajak masyarakat ke arah kebaikan dan menyebarkan kebenaran tanpa memprejudiskan diri sendiri atau mana-mana pihak apabila menggunakan

media sosial.

Majlis Menandatangani Memorandum Kerjasama antara JAKIM, UTeM dan Uniten itu adalah bagi pelaksanaan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran.

Mohd Na'im berkata program kerjasama antara JAKIM-UTeM telah bermula sejak tahun 2017 manakala kerjasama antara JAKIM-Uniten pula telah bermula sejak tahun 2013 lagi dan sehingga kini, Darul Quran JAKIM telah menjalinkan kerjasama dengan beberapa institusi di seluruh Malaysia.

Sementara itu Mufti Pulau Pinang Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor menyarankan agar mutawif umrah dan haji untuk memberi penjelasan mengenai hukum mengusap atau mengucup Hajarul Aswad kepada para jemaah masing-masing sebelum berangkat ke Mekah bagi menunaikan ibadah itu.

Beliau berkata perkara itu perlu dijelaskan kepada para jemaah bagi memastikan kesempurnaan ibadah yang dikerjakan di Tanah Suci. - **BERNAMA**

Fahami tujuan ke Mekah

SYED HAZIQUE

IBADAH merupakan perkara yang tinggi nilainya. Dalam apa jua ibadah yang dilakukan, umat Islam perlu mengambil serius selain menjauhkan diri daripada perkara yang melalaikan.

Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad berkata salah satu kandungan yang penting dalam melakukan ibadah ialah perlunya khusyuk kerana melalui ibadah yang sempurna akan membentuk akhlak yang mulia.

"Jadi kalau kita asyik buat kandungan media sosial bagaimana untuk kita khusyuk? Tiada halangan untuk mencipta memori indah, namun lakukanlah dengan khusyuk terlebih dahulu kerana itukan lebih baik.

"Tujuan melakukan ibadah adalah untuk mendekatkan diri dengan Allah SWT, jadi peliharalah ibadah itu sebaik mungkin," kata beliau ketika dihubungi pada Selasa.

Ujar beliau, umat Islam perlu memahami tujuan sebenar pergi ke Mekah iaitu untuk menunaikan haji dan umrah disertai niat untuk satu pengabdian diri kepada Allah bukan melancong.

Tambah Mohamad Shukri, dapat dilihat pada masa kini, ramai yang didapati memuat naik video sedang menyentuh Kaabah atau Hajarul Aswad di media sosial.

"Jika ia trend untuk meraih tontonan ramai, tinggalkanlah trend yang merugikan itu. Adalah lebih baik ketika melakukan ibadah, fikirkan dosa kita, keampunan daripada Allah, termasuk sentiasa berdoa.

Mencium Hajarul Aswad merupakan ibadah tetapi perbuatan itu adalah sunat. Kalau diasak sehingga membahayakan diri atau nyawa sekalipun, ia tidak dituntut dalam agama kita. Jadi sebenarnya, tak perlu untuk berasak-asak, berebut-rebut apatah lagi bagi kaum wanita," ujarinya.

Kata beliau, adalah lebih baik untuk seseorang itu melakukan Istilam jika tidak mampu untuk mengucup Hajarul Aswad secara dekat, jika dilihat kesesakan untuk mengucup Hajarul Aswad.

"Kita seharusnya melakukan ibadah dengan kesantunannya, tertibnya bersama adab-adabnya, jika dah berebut-rebut serta terdedah kepada bahaya, itu adalah terlarang," jelasnya.

Terdahulu, tular di media sosial baru-baru ini, selebriti media sosial dan usahawan terkenal, mencetuskan kontroversi apabila memuat naik video sedang bergelut untuk mencium Hajarul Aswad ketika menunaikan ibadah umrah.

Video tersebut menimbulkan pelbagai reaksi dengan rata-ratanya mempersoalkan kewajaran beliau berbuat demikian hingga kain ihram yang membaluti tubuhnya tertanggal dan menampakkan badan. **W**



SHUKRI